


## BAB 1



### PENDAHULUAN

#### Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّهَا قَالَتْ خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ عَامَ حَجَّةِ الْوَدَاعِ فَبَيْنَا مَنِ أَهْلُ بَعْمُرَةَ  
وَمِنَّا مَنْ أَهْلُ بَجَجَةَ وَعُمُرَةَ وَمِنَّا مَنْ أَهْلُ بِالْحَجِّ وَأَهْلُ رَوْحِ اللَّهِ بِالْحَجِّ فَأَمَّا مَنْ  
أَهْلُ بِالْحَجِّ أَوْ جَمَعَ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لَمْ يَحِلُّوا حَتَّى كَانَ يَوْمَ النَّحْرِ.

#### Maksudnya:

*Dari Aisyah r.a. katanya : “Kami pergi bersama Rasulullah SAW pada waktu haji wada’ maka di antara kami ada yang ihram dengan umrah, ada yang dengan haji serta umrah, dan ada pula dengan haji, sedang Rasulullah SAW sendiri ihram dengan haji. Adapun orang yang ihram dengan umrah, dia berada dalam keadaan halal pada hari sampainya, sedang orang yang ihram dengan haji atau merangkap haji serta umrah, maka belum akan berada dalam keadaan halal sebelum hari nahar atau qurban.”*

(Hadis Riwayat Ahmad, Bukhari dan Muslim)

### 1.1 PENGENALAN

Manual Pengurusan Haji Ifrad, Haji Tamattu', dan Haji Qiran ini diterbitkan bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai proses pengurusan kaedah manasik dalam ibadat haji dan umrah secara lebih terperinci. Penjelasan ini dibuat mengikut jenis-jenis haji yang disyariatkan di dalam Islam iaitu Haji Ifrad, Haji Tamattu' dan Haji Qiran. Selain itu, manual ini juga merupakan manifestasi daripada salah satu peranan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sebagai sebuah agensi persekutuan dalam menerbitkan Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang bertujuan membantu agensi-agensi yang berkaitan dengan wakaf, zakat dan haji demi meningkatkan tadbir urus terbaik negara. Bab pertama ini akan menerangkan tentang objektif, skop dan kaedah penyediaan manual pengurusan ini.

## **1.2 TUJUAN**

Manual pengurusan ini bertujuan untuk menyediakan satu panduan komprehensif bagi mempelbagaikan panduan-panduan manasik haji yang ada sebagai pilihan kepada pengguna. Panduan ini menggariskan persediaan mengerjakan haji mengikut jenis-jenis haji yang dipilih oleh jemaah untuk menunaikan haji sama ada Haji Ifrad, Haji Tamattu' atau Haji Qiran.

Adalah menjadi harapan, manual ini dapat menjadi panduan kepada umat Islam dan agensi-agensi pengelola mengenai tata urus haji yang perlu dilaksanakan oleh jemaah haji mengikut jenis haji pilihan mereka secara yang terbaik untuk mendapatkan kemabruran haji dan umrah yang dilaksanakannya.

## **1.3 SKOP**

Manual ini secara umumnya menyentuh secara terperinci jenis-jenis haji yang disyariatkan di dalam Islam iaitu Haji Ifrad, Haji Tamattu', dan Haji Qiran mengenai tata urus melaksanakannya daripada setiap perkara yang perlu dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas menunaikan ibadah haji dan umrah.

Justeru, manual ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan yang komprehensif dan ia terbuka untuk rujukan masyarakat umum agar lebih peka tentang kepentingan menyediakan diri seawal-awalnya dengan ilmu manasik haji dan berusaha untuk menunaikan haji pada usia muda. Hal ini adalah bagi mengurangkan kesilapan dan kekeliruan yang mungkin akan dilakukan oleh jemaah serta dapat memaksimumkan kemampuan beribadah di tanah suci Mekah.


## **1.4 KAEDAH PENYEDIAAN**

Manual ini disediakan melalui kaedah perbincangan secara langsung, sumbang-saran idea, kepakaran serta pengalaman pegawai Tabung Haji, para pembimbing jemaah haji Tabung Haji, para mutawwif daripada agensi pengelola umrah dan haji, para pegawai Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Kepakaran dan pengalaman kesemua mereka yang terlibat dikumpulkan dalam beberapa siri mesyuarat dan bengkel sehingga manual ini berjaya diterbitkan.

## **1.5 KESIMPULAN**

Penerbitan manual ini adalah bertujuan untuk memberikan impak positif kepada seluruh umat Islam amnya dan jemaah haji khasnya di Malaysia. Secara tidak langsung juga, manual ini akan memberi peluang kepada orang ramai dalam melihat kepentingan ilmu pengetahuan manakala agensi pengelola haji/umrah dapat menggunakan manual ini sebagai salah satu garis panduan yang boleh diberikan kepada pelanggan yang berhasrat menunaikan haji di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada umat Islam dan manasik yang sempurna dapat dilaksanakan oleh pelanggan mereka.

## BAB 2



### PERJALANAN HAJI RASULULLAH SAW

**Firman Allah SWT :**

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ  
يَأْتِينَكَ مِنْ كُلِّ فَيْحٍ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

**Maksudnya :**

*“Dan serulah manusia untuk mengerjakan haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki, atau mengenderai setiap unta yang kurus, mereka datang dari segenap penjuru yang jauh.”*

(Surah Al-Hajj: 27)

#### 2.1 PENGENALAN

قال جابر رضي الله تعالى عنه : إن رسول الله ﷺ مكث  
بالمدينة تسع سنين لم يحج . ثم أذن في الناس في العاشرة :  
أن رسول الله ﷺ حاج هذا العام .

Maksudnya : *Jabir bin Abdullah r.a. berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW tinggal di Madinah selama sembilan tahun tidak mengerjakan haji. Kemudian menyeru manusia pada tahun kesepuluh: Bahawa Rasulullah SAW beribadah haji.(pada tahun ini)*

(Riwayat Nasai, Ibnul Jarud, Ahmad)

Tidak ada tarikh tertentu atau tarikh yang diyakini bila ibadah haji difardhukan. Walau bagaimanapun sesetengah pendapat menyatakan bahawa ibadah haji telah difardhukan pada tahun kelima atau keenam Hijrah. Tetapi ibadah ini mula dilaksanakan pada tahun

kesembilan hijrah. Mengikut pendapat ahli sejarah bahawa pada tahun ke-6 Hijrah Rasulullah SAW mengerjakan umrah dengan disertai oleh 1460 orang para sahabat. Namun demikian rombongan ini tertahan di Hudaibiyah. Rasulullah dan para sahabat menuju ke Mekah pada tahun ke-7 Hijrah bagi melaksanakan Umrah Qada' hasil daripada perjanjian Hudaibiyah.

Pada tahun ke-9 Hijrah, Rasulullah SAW mengarahkan Saidina Abu Bakar dan Saidina Ali menunaikan haji kerana Rasulullah SAW sibuk dengan persiapan peperangan Tabuk. Pada waktu tersebut juga masih terdapat masyarakat Jahiliah melakukan tawaf di Kaabah. Ini dibuktikan ayat al-Quran surah at-Taubah ayat 28 yang bermaksud "*Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya orang-orang Musyrikin itu najis akidahnya, maka janganlah mereka menghampiri.....*"

Pada tahun ke-10 Hijrah, 6 bulan sebelum Zulkaedah, Rasulullah SAW telah mengisytiharkan untuk menunaikan haji. Dengan itu, seluruh kabilah-kabilah teringin untuk menunaikan haji bersama Rasulullah SAW. Setelah itu pada 25 Zulkaedah tahun 10 Hijrah, Rasulullah SAW dan para sahabat bersiap-siap untuk menuju ke Mekah. Rasulullah SAW bersama isteri-isteri Baginda SAW telah memulakan perjalanan dengan diikuti oleh 120,000 orang para sahabat. Para ulama' telah bersepakat bahawa Nabi SAW tidak melaksanakan haji setelah berhijrah ke Madinah melainkan satu kali sahaja dan itulah haji yang dikenali sebagai Haji Wada' bersamaan tahun ke-10 Hijrah.

## **2.2 KISAH PERJALANAN HAJI RASULULLAH SAW (Melalui hadis-hadis Riwayat Jabir r.a.)**

### **2.2.1 Rombongan Haji Rasulullah SAW**

Pada tahun ke-10 Hijrah, Rasulullah SAW telah mengumumkan kepada kaum Muslimin bahawa Baginda SAW akan menunaikan haji pada tahun tersebut. Berdasarkan maklumat tersebut, para sahabat dan orang ramai berduyun-duyun datang ke Madinah untuk melaksanakan perjalanan haji bersama-sama Rasulullah SAW. Setiap orang berharap dapat menunaikan haji sama seperti apa yang dilakukan oleh Baginda SAW.

### **2.2.2 Jenis Haji yang dilakukan oleh Rasulullah SAW**

Terdapat dua pendapat mengenai jenis haji yang dilakukan oleh Rasulullah SAW:

- i. Nabi melakukan Haji Ifrad berdasarkan Riwayat Muslim, Al-Muwatta', dan Ibnu Saad yang diriwayatkan dengan lafaz riwayat Jabir secara tegas

bahawa Rasulullah SAW hanya melakukan haji secara Iفراد. Riwayat ini disokong oleh satu riwayat yang lain daripada Abdul Aziz bin Abu Hazim yang menyebut bahawa Baginda SAW memulai Haji Iفراد bersama para sahabat.

- ii. Nabi SAW melakukan Haji Qiran menurut hadis Riwayat Anas dan yang lainnya di dalam Sahih Bukhari dan Muslim yang mana dinyatakan Baginda SAW berihram untuk haji dan umrah sekali gus. Pendapat ini disokong oleh Ibn al-Qayyim dalam *Zadul Ma'ad* yang memaparkan sekitar 20 hadis daripada 20 orang sahabat bahawa Nabi melakukan Haji Qiran.

Pendapat kedua dianggap lebih tepat sebagaimana yang dijelaskan Ibn al-Qayyim dan Muhammad Nashiruddin al-Albani.

### 2.2.3 Ihram

Rasulullah SAW telah menetapkan tempat Miqat Makani (bagi penduduk luar Mekah) sebagaimana yang berikut:

- i. Penduduk Madinah di Zulhulaifah
- ii. Penduduk dari Syam/Mesir di al-Juhfah
- iii. Penduduk Iraq di Zatul 'Irqin
- iv. Penduduk Najd di Qarnu al-Manazil
- v. Penduduk Yaman di Yalamlam

Rasulullah SAW memulakan perjalanan setelah memakai minyak wangi dan mengenakan pakaian ihramnya. Rasulullah SAW juga membawa haiwan korban bersama-samanya di Zulhulaifah. Rombongan yang akan berangkat mengerjakan haji ini sebahagiannya menaiki tunggangan sementara yang lain berjalan kaki. Baginda SAW menunggang *Qaswa'* (unta Nabi) sehingga unta tersebut betul-betul berada di tanah lapang lalu Baginda SAW langsung berihram untuk haji iaitu Baginda SAW *berihlal* (talbiah) untuk haji (melantangkan suara talbiah dengan kalimah tauhid,

لبيك اللهم لبيك، لبيك لا شريك لك لبيك، إن الحمد والنعمة لك والملك  
لا شريك لك، إن الحمد والنعمة لك والملك، لا شريك لك .

(*Labbaikallahumma labbaik. Labbaikala syarika laka labbaik. Innal hamda wanni 'mata laka wal mulka la syarika lak.*)

Maksudnya : “Kami menyambut panggilan-Mu, Ya Allah, kami menyambut panggilan-Mu, tidak ada sekutu bagi-Mu, kami menyambut panggilan-Mu. Sesungguhnya segala puji, segala kenikmatan, dan kekuasaan adalah milik-Mu, tidak ada sekutu bagi-Mu.”

Mengikut Jabir r.a., Rasulullah SAW berihram untuk haji sahaja tetapi dalam riwayat yang lain yang diriwayatkan oleh beliau sendiri merujuk kepada ucapan Saidatina Aisyah;

وقد فاته قول عائشة : « يا رسول الله اتنطلقون بحج وعمرة وانطلق بحج »

Maksudnya : “Wahai Rasulullah SAW, apakah kamu dan yang lainnya berangkat haji dan umrah, sedangkan aku berangkat untuk haji (saja)?”

Hadis ini menunjukkan bahawa Jabir mengetahui bahawa Rasulullah SAW dan sahabat menunaikan Haji Qiran tetapi mengapa beliau menjelaskan dalam hadis yang awal bahawa Rasulullah SAW berniat Haji Ifrad? Menurut Muhammad Nashiruddin Al-Albani hal itu terjadi pada awal perjalanan haji sebelum Rasulullah SAW mengajarkan pada mereka tentang disyariatkan umrah pada bulan-bulan haji.

Aisyah r.a. berkata:

«خرجنا مع رسول الله صلى الله عليه وسلم (عام حجة الوداع) فقال : من أراد منكم أن يهل بحج وعمرة فليعمل ، ومن أراد أن يهل بعمرة فليهل ، قالت عائشة ... وكنت فيمن أهل بالعمرة»

Maksudnya: “Kami berangkat bersama Rasulullah SAW (pada tahun Haji Wada’), lalu Baginda SAW bersabda: “Siapa saja di antara kamu yang ingin berihlal (talbiah) untuk haji dan umrah maka lakukanlah, dan yang ingin berihlal (talbiah) untuk umrah lakukanlah.” Aisyah berkata: “Saya termasuk yang berihlal (talbiah) untuk umrah.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim dengan redaksi Muslim)

## 2.2.4 Memasuki Kota Mekah

Rasulullah SAW tiba di Baitullah pada hari kelima Zulhijjah lalu menghampiri pintu masjid serta menghentikan tunggangannya. Baginda SAW masuk ke masjid lalu mengusap Hajar Aswad. Baginda SAW juga menyentuh Rukun Yamani namun tidak menciumnya kecuali mencium Hajar Aswad.

## 2.2.5 Tawaf

Hadis daripada Ibnu Abas :

عن خالد الحذاء عن عكرمة عن ابن عباس رضي الله عنهما قال : طَافَ النَّبِيُّ  
بِالْبَيْتِ عَلَى بَعِيرٍ كُلَّمَا أَتَى الرُّكْنَ أَشَارَ إِلَيْهِ بِشَيْءٍ كَانَ عِنْدَهُ وَكَبَّرَ

Maksudnya: “Rasulullah SAW bertawaf mengelilingi Kaabah sambil menaiki unta. Kalau mendekati rukun, Baginda SAW memberi isyarat (menunjukkan ke arahnya) dengan benda apa sahaja yang ada di tangan Baginda SAW, lalu Baginda SAW bertakbir.”

(Riwayat Bukhari)

Rasulullah SAW melakukan tawaf dengan *idhtiba'* iaitu mengenakan kain dengan meletakkan salah satu bahagian di atas bahu kiri dari bahagian atas dan satu bahagian lagi dari bawah ketiak, bahu kanan terbuka sementara bahu kiri tertutup. Rasulullah SAW berjalan cepat (*raml* adalah berjalan cepat dengan langkah pendek) sebanyak tiga pusingan dan berjalan biasa empat pusingan.

Kemudian Baginda SAW berjalan ke Makam Ibrahim dan membaca “*Wattakhizu min maqami Ibrahima musolla*”, (dan jadikanlah Makam Ibrahim sebagai tempat sembahyang. (Baginda SAW berteriak melaungkan suara Baginda SAW kepada kaum Muslimin)

Baginda SAW berdiri menghadap Baitullah sedangkan makam Ibrahim berada antara Baginda SAW dan Kaabah lalu Baginda SAW mengerjakan solat dua rakaat. Kemudian Baginda SAW pergi ke perigi zamzam untuk minum dan menyiram kepalanya. Setelah itu Baginda SAW kembali ke Rukun Hajar Aswad dan mengusapnya.



## 2.2.6 Sai'e

Baginda SAW keluar dari pintu Safa menuju ke bukit Safa. Ketika sudah mendekati bukit itu, Baginda SAW membaca surah Al-Baqarah ayat 158 :

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِن شَعَائِرِ اللَّهِ

### Maksudnya :

*“Sesungguhnya Safa dan Marwa termasuk daripada syiar-syiar Allah”.*

Baginda SAW memulai dari Safa, mendaki bukit itu sehingga dapat melihat Baitullah.

Lalu Baginda SAW menghadap kiblat sambil membaca kalimah tauhid dan bertakbir (3 kali) bertahmid kepada Allah lalu mengucapkan,

لا إله إلا الله وحده لا شريك له ، له الملك وله الحمد يحيي ويميت  
وهو على كل شيء قدير، لا إله إلا الله وحده لا شريك له، أنجز وعده،  
ونصر عبده، وهزم الأحزاب وحده

*(La ilaha illallah wahdahu laa syarika lah, lahul mulku walahul hamdu yuhyi wa yumitu wa huwa ala kulli syaiin qadir. La ilaha illallah wahdahu la syarika lah, anjaza wa'dah, wa nasoro abdah, wa hazamal ahzaba wahdah.)*

Maksudnya : *“Tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah dan Allah itu Maha Besar tiada Tuhan melainkan Allah Yang Maha Esa yang melaksanakan janji-Nya dan menewaskan segala pasukan musuh-musuh Islam dengan keesaan-Nya.”* Kemudian Baginda SAW berdoa di antara semua aktiviti tersebut dan mengulangnya sebanyak tiga kali.

Baginda SAW turun sambil berjalan menuju Marwah, hingga kedua tapak kaki Baginda SAW berdiri tegak di perut lembah, baru Baginda SAW berlari-lari kecil. Baginda SAW kembali berjalan sampai ke bukit Marwah. Lalu Baginda SAW mendakinya dan memandang ke arah Baitullah. Baginda SAW pertama kali bersai'e dengan berjalan kaki. Kemudian Baginda SAW bersai'e sambil menaiki tunggangan setelah umat manusia ramai dan berasak-asakan. Hal ini dikuatkan oleh hadis Ibnu Abbas, Muslim dan yang lainnya. Baginda SAW juga melakukan hal yang serupa di atas bukit Marwah sebagaimana di bukit Safa.

## 2.2.7 Perintah Mengubah Haji kepada Umrah

Pada akhir Sai'e (hari ketujuh) di atas bukit Marwah Baginda SAW bersabda,

فقال: يا أيها الناس لو أني استقبلت من أمري أمري ما استدبرت لم أسق الهدى  
ولجعلتها عمرة، فمن كان منكم معه هدي فليحل وليجعلها عمرة

Maksudnya : *“Wahai kaum Muslimin, kalau aku boleh mengulangi apa yang telah kulakukan, tentunya aku tidak akan membawa haiwan sembelihan (korban) dan sungguh aku ubah haji ini menjadi umrah. Maka siapa saja yang belum membawa sembelihan, hendaklah ia bertahallul dan menjadikannya sebagai umrah!”*

Dalam riwayat lain Baginda SAW bersabda,

أحلوا من إحرامكم، فطوفوا بالبيت، وبين الصفا والمروة، وقصروا

Maksudnya: *“Bertahallullah daripada ihram kamu, bertawafilah keliling Baitullah, lakukan Sai'e antara Safa dan Marwah, lalu potonglah rambut.”*

Pada hari Tarwiyah (hari kelapan Zulhijjah) berihramlah untuk haji dan jadikan ibadat haji yang kamu lakukan sebagai Haji Tamattu'. (Iaitu menjadikan Haji Ifrad yang mereka niatkan sebagai umrah). Mereka menyelesaikan haji mereka sehingga menjadi Haji Tamattu'.

فقام سراقه بن مالك بن جعشم (وهو في أسفل المروة) فقال: يا رسول الله أرأيت عمرتنا  
(وفي لفظ: متعتنا) هذه ألعامنا هذا أم لأبد الأبد، قال فشبك رسول الله ﷺ أصابعه واحدة  
أخرى وقال: دخلت العمرة في الحج إلى يوم القيامة، لا بل لأبد أبد، لا بل لأبد أبد، ثلاث مرات.

Bangkitlah Suraqah bin Malik bin Ju'syum (ketika berada di kaki bukit Marwah) sambil berkata :

*“Wahai Rasulullah SAW, apakah menurutmu umrah kita (tamattu' kita) ini, apakah hanya untuk tahun ini sahaja ataukah untuk selama-lamanya? Baginda SAW menjawab sambil menganyam jari jemarinya, “Umrah sudah masuk ke dalam ibadat haji hingga hari kiamat”.*

Pendapat ulama' tentang hadis di atas:

- i. Imam Nawawi menyatakan, menurut kebanyakan ulama', umrah boleh dilakukan pada bulan-bulan haji untuk memansuhkan kebiasaan jahiliah. (Haram umrah pada bulan haji).
- ii. Umrah termasuk dalam manasik haji.

Baginda SAW Rasulullah SAW memerintahkan para sahabat yang selesai bertahallul untuk menyembelih haiwan dan mereka melaksanakan perintah Baginda SAW. Tujuh orang menyembelih seekor unta dan yang tidak membawa haiwan sembelihan berpuasa tiga hari ditambah tujuh hari setelah pulang ke kampung halaman. (Dam Tertib dan Taqdir ihram kerana Tamattu')

### 2.2.8 Penegasan Pengubahan Haji kepada Umrah oleh Nabi SAW melalui Khutbah

Sebahagian para sahabat masih ada yang tidak berasa selesa untuk bertahallul kerana mereka keluar untuk mengerjakan haji dan bukan untuk menunaikan umrah. Hal ini sampai kepada pengetahuan Rasulullah SAW dan Baginda SAW telah berkhotbah di hadapan kaum Muslimin menegaskan tentang pengubahan haji dan menggantikan dengan umrah kecuali mereka yang terlanjur membawa sembelihan.

فقام : فخطب الناس فحمد الله وأثنى عليه فقال : أباالله تعلموني أيها الناس؟!  
قد علمتم أني أتقاكم لله وأصدقكم وأبركم ، إفعلوا ما أمركم به فإني لولا هديي  
لحللت كما تحلون ولكن لا يحل مني حرام حتى يبلغ الهدي محله ولو استقبلت من  
أمري ما استديرت لم أسق الهدي ، فحلوا .

Rasulullah SAW berdiri sambil berkhotbah dengan memuji Allah dan mengagungkan-Nya lalu bersabda: *“Demi Allah apakah kamu mengajari aku wahai manusia? Bukankah kamu tahu bahawa aku adalah yang paling berbakti kepada Allah dibandingkan kamu? Lakukanlah apa yang kuperintahkan kepada kamu. Sesungguhnya aku, kalau tidak terlanjur membawa sembelihan, pasti aku sudah bertahallul seperti kamu lakukan akan tetapi aku tidak boleh lepas daripada ihram (yakni tidak boleh menghalalkan yang haram bagiku iaitu segala yang diharamkan oleh orang yang berhaji (Fathul Bari) ini hingga penyembelihan di Mina: Dan kalau aku boleh mengulang apa yang telah ku lakukan, tentu aku tidak akan membawa haiwan sembelihan. Bertahallullah.”*

Maka semua jemaah bertahallul kecuali Nabi dan mereka yang mempunyai haiwan sembelihan.

### 2.2.9 Ihram Haji Kaum Muslimin dan Wukuf di Arafah

Pada hari Tarwiyah iaitu hari kelapan Zulhijjah kaum Muslimin bergerak ke Mina dengan berpakaian ihram. Mereka berihlal (talbiah) untuk haji.

Rasulullah SAW sembahyang Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh di Mina. Baginda SAW berada di sana hingga terbit matahari.

Setelah itu Baginda SAW berjalan hingga sampai ke Arafah. Baginda SAW lalu berkhotbah di Arafah di hadapan kaum Muslimin dengan khutbahnya yang masyhur.

#### Khutbah ini dikenali sebagai Khutbah Hajjatul Wada

«إن دماءكم وأموالكم حرام عليكم، كحرمة يومكم هذا، في شهركم هذا، في بلدكم هذا، ألا وإن كل شيء من أمر الجاهلية تحت قدمي هاتين موضوع، ودماء الجاهلية موضوعة، وإن أول دم أضع من دمائنا دم ابن ربيعة بن الحارث (ابن عبد المطلب) - كان مسترضعاً في بني سعد فقتلته هذيل - وربا الجاهلية موضوع وأول ربا أضع ربانا: ربا عباس بن عبد المطلب فإنه موضوع كله فاتقوا الله في النساء، فإنكم أخذتموهن بأمانة الله واستحللتم فروجهن بكلمة الله وإن لكم عليهن أن لا يوطئن فرشكم أحداً تكرهونه، فإن فعلن ذلك فاضربوهن ضرباً غير مبرح ولهن عليكم رزقهن وكسوتهن بالمعروف، وإني قد تركت فيكم ما لن تضلوا بعد إن اعتصمتم به كتاب الله وأنتم تسألون (وفي لفظ مسؤلون) عني، فما أنتم قائلون؟ قالوا: نشهد أنك قد بلغت (رسالات ربك) وأديت، ونصحت (لأمتك، وقضيت الذي عليك) فقال بأصبعه السبابة يرفعها إلى السماء وينكتها إلى الناس: اللهم اشهد، اللهم اشهد»

Maksudnya :

*“Sesungguhnya darahmu dan harta kamu adalah mulia atas kamu (haram bagi orang lain) seperti mulianya hari kamu ini, pada bulan kamu ini, di negeri kamu*

*ini. Ketahuilah dan sesungguhnya setiap perkara jahiliah yang ada di bawah tapak kakiku ini batal, dan darah kaum jahiliyah adalah batal (telah dihapus), sesungguhnya awal permulaan darah yang aku hinakan adalah darah Rabi'ah bin Harith (bin Abdul Mutallib) – ia adalah seorang yang banyak memiliki cela di lingkungan Bani Sa'ad, lalu dibunuh oleh Hudzail. Dan riba jahiliyah kubatalkan. (dihapus juga). Riba pertama yang aku batalkan ialah riba yang dilakukan Abbas bin Abdul Muthalib, sesungguhnya semua riba itu batal. Bertaqwalah kamu kepada Allah dalam hal wanita, kerana sesungguhnya mereka kamu ambil dengan perlindungan (amanah) Allah dan dihalalkan bagi kamu kemaluan mereka dengan kalimah Allah dan sesungguhnya mereka tidak boleh menerima seorangpun di tempat tidur kamu yang kamu tidak sukai, jika mereka melakukannya maka pukullah mereka dengan pukulan yang tidak meninggalkan bekas, dan kewajiban kamu ialah memberi nafkah(rezeki) dan pakaian kepada mereka dan memperlakukan mereka dengan baik. Dan sesungguhnya aku tinggalkan bagi kamu apa yang kamu tidak akan sesat selamanya jika kamu berpegang teguh kepada kitab Allah. Kalau kamu bertanya (dalam riwayat lain :ditanya) tentang aku, maka apa yang akan kamu katakan? Mereka menjawab : “Kami bersaksi bahawa engkau telah menyampaikan (ajaran-ajaran Rabbmu) dan telah menunaikannya, dan telah menasihati (umatmu dengan ikhlas dan telah melaksanakan kewajibanmu. Lalu baginda bersabda seraya mengajukan telunjuknya ke langit dan mengara hkannya kepada orang-orang yang hadir: “Ya Allah saksikanlah. Ya Allah saksikanlah.”*

Setelah itu Bilal mengumandangkan azan dan solat Zohor dan Asar didirikan oleh Nabi SAW secara jamak dan qasar.

Rasulullah SAW menaiki *Qaswa'* hingga ke tempat Wuquf (di batu besar di bawah Jabal Rahmah dikelilingi oleh para sahabat) lalu Baginda SAW menghadap kiblat. Kaum Muslimin turut berwukuf bersama-sama Rasulullah SAW. Baginda SAW terus berwukuf hingga matahari terbenam dan warna kekuningan dan biasan merahnya benar-benar hilang. Baginda SAW lalu bersabda:

وقال: وقفت ههنا وعرفة كلها موقف.

Maksudnya : “*Aku wukuf di sini dan seluruh Arafah adalah tempat wukuf.*”

#### **2.2.10 Mabit di Muzdalifah**

Baginda SAW menunggang *Qaswa'* dan berlalu ke Muzdalifah lalu bersolat Maghrib dan Isyak di sana dengan solat jamak dengan qasar. Rasulullah SAW berbaring hingga terbit fajar lalu bersolat Subuh. Baginda SAW menaiki *Qaswa'* hingga sampai di Masy'aril Haram (Muzdalifah) dan segera mendaki sebuah bukit, Baginda SAW menghadap kiblat dan berdoa, bertakbir, bertahlil dan mentauhidkan Allah.

#### **2.2.11 Melontar Jamrah Kubra (Aqabah) pada 10 Zulhijjah**

Rasulullah SAW bergerak daripada Muzdalifah ke Mina sebelum matahari terbit. Baginda SAW menuju Jamrah Kubra lalu terus melontar pada waktu Dhuha sebanyak 7 biji batu yang mana Baginda SAW bertakbir pada setiap lontaran. Baginda SAW melontar di atas tunggangannya dan bersabda:

لَتَأْخُذُوا مِنَّا كَمَا تَأْخُذُونَ مِنَّا ، فَإِنِّي لَا أُدْرِي لَعَلِّي لَا أَحْجُ بَعْدَ حَجَّتِي هَذِهِ .

Maksudnya : “*Hendaklah kamu mempelajari manasik haji kamu daripadaku kerana aku tidak tahu apakah aku akan kembali berhaji setelah hajiku ini atau tidak.*”

#### **2.2.12 Tahallul Awal**

Baginda SAW telah berjalan ke tempat penyembelihan dan menyembelih 63 ekor unta dengan tangan Baginda SAW sendiri. Dalam riwayat yang lain lalu Rasulullah SAW menyembelih lantas mencukur rambut.

#### **2.2.13 Melontar Ketiga-tiga Jamrah**

Jabir r.a. melanjutkan, Baginda SAW melontar Jamrah sesudah hari penyembelihan (pada seluruh Hari Tasyriq) apabila matahari sudah tergelincir (waktu afdal melontar).

#### 2.2.14 Manasik Haji yang Fleksibel Pelaksanaannya

Ketika Baginda SAW duduk di Mina pada hari penyembelihan di hadapan kaum Muslimin Baginda SAW telah ditanya berkaitan dengan manasik yang fleksibel pelaksanaannya. Di antara manasik tersebut ialah:

- i. Mencukur rambut sebelum menyembelih
- ii. Mencukur rambut sebelum melontar Jamrah
- iii. Bertawaf sebelum melontar Jamrah
- iv. Bertawaf sebelum menyembelih
- v. Menyembelih sebelum melontar Jamrah

Dalam hal di atas Rasulullah SAW telah menjawab dengan perkataan “*tidak apa-apa*” yang membawa maksud harus dilakukan walaupun tidak sama dengan cara Baginda SAW Nabi SAW.

#### 2.2.15 Tawaf Ifadhah

Rasulullah SAW menaiki *Qaswa'* dan melaksanakan Tawaf Ifadhah di Baitullah dengan diikuti oleh para sahabat. Namun mereka tidak melakukan Sai'e antara Safa dan Marwah.

ولم يطوفوا بين الصفا والمروة .

Maksudnya: “*Dan mereka tidak Sai'e di antara Safa dan Marwah.*”

Demikian Jabir menyatakan secara mutlak, sedangkan Saidatina Aisyah menghuraikannya :

«فطاف الذين كانوا أهلوا بالعمرة بالبيت وبين الصفا والمروة ثم حلوا،  
ثم طافوا طوافاً آخر بعد أن رجعوا من منى، وأما الذين جمعوا  
الحج والعمرة، فإنما طافوا طوافاً واحداً»

Maksudnya : “*Maka orang-orang yang berihlal untuk umrah bertawaf di Baitullah dan Sai'e antara Safa dan Marwah, kemudian bertahallul, lalu tawaf sekali lagi sesudah kembali dari Mina. Adapun mereka yang menggabungkan haji dengan umrah hanya melakukan tawaf satu kali.*”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

### 2.2.16 Tawaf Wada'

Sesungguhnya Jabir r.a. tidak menyebut tentang Tawaf Wada' yang dilakukan oleh Baginda SAW kerana beliau sangat berhati-hati di dalam redaksinya tentang haji Nabi SAW.

Sedangkan Saidatina Aisyah r.a. menyebut dalam akhir kisahnya:

«فجئنا رسول الله رسول الله صلى الله عليه وسلم وهو في منزله من جوف الليل فقال: هل فرغت؟ قلت نعم، فأذن في أصحابه بالرحيل، فخرج فمر بالبيت فطاف به قبل صلاة الصبح، ثم خرج إلى المدينة»

Maksudnya : “Kemudian kami datang menemui Rasulullah SAW di khemahnya pada malam hari, lalu baginda bersabda: “Apakah engkau telah selesai?” Jawabku: “Ya.” Lalu Baginda mengizinkan para sahabatnya untuk berangkat, maka baginda keluar menuju Baitullah dan tawaf sebelum solat Subuh, kemudian berangkat ke Madinah.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim, dengan ulasan Muslim serta Abu Daud)

Mengikut hadith riwayat Aisyah di atas, baginda Nabi SAW tidak berlari-lari anak pada Tawaf Wada' ini, begitu juga pada Tawaf Ifadhah.

وقال جابر: طاف رسول الله ﷺ بالبيت في حجة الوداع على راحلته يستلم الحجر بحجته لأن يراه الناس وليشرف، وليسألوه، فإن الناس غشوه

Maksudnya : “Jabir r.a. berkata : Rasulullah SAW tawaf di Baitullah pada haji Wada' di atas tunggangannya. Baginda mengusap Hajar Aswad dengan tongkatnya agar manusia dapat melihat, memuliakannya dan bertanya kepadanya, orang-orang pun mengerumuni baginda.”


Manakala di dalam hadith riwayat Jabir ini tidak ada penentuan untuk tawaf yang dilakukan oleh Rasulullah. Oleh itu, tawaf ini boleh bererti Tawaf Ifadhah atau Tawaf Wada' Rasulullah SAW kerana Tawaf Qudum dilakukan oleh baginda dengan berjalan kaki.



## **2.3 KESIMPULAN**

Perjalanan Haji Rasulullah SAW yang dikisahkan di dalam manual ini disusun secara ringkas berdasarkan tulisan Muhammad Nashiruddin Al-Albani di dalam bukunya “**Hajjatun Nabi SAW kama Rawaahaa ‘anhu Jabir r.a.**”. Buku ini disusun dengan lengkap dan terperinci cara-cara manasik haji sebagaimana yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW melalui hadis-hadis riwayat Sahabat Rasulullah SAW iaitu Jabir r.a..

## BAB 3



### HAJI IFRAD

#### 3.1 PENGENALAN

Haji Ifrad ialah ibadat haji yang dilakukan dengan berniat melakukan ibadat haji sahaja di Miqat tanpa disertakan dengan ibadat umrah pada bulan-bulan haji. Kemudian barulah dikerjakan umrah selepas selesai mengerjakan ibadat haji. Haji Ifrad ini tidak dikenakan Dam.

#### 3.2 KAEDAH PELAKSANAAN HAJI IFRAD

##### 3.2.1 Niat

Sebelum berniat, Jemaah disunatkan melakukan perkara-perkara seperti memotong kuku, mencukur bulu yang disyariatkan seumpama bulu ari-ari, bulu ketiak dan juga mengandam rambut. Selain itu disunatkan juga untuk mandi sunat ihram dan mengenakan wangi-wangian pada badan serta melakukan solat sunat ihram. Pakaian ihram bagi lelaki dan wanita disunatkan berwarna putih.

##### 3.2.2 Ihram

Tempat untuk berniat ihram Haji Ifrad ialah di Miqat awal yang ditempuhinya. Sekiranya dari Madinah, berniatlah di Zulhulaifah (Bir Ali) dan sekiranya dari Malaysia melalui Jeddah untuk ke Mekah maka Miqatnya di Qarnul Manazil (1 jam sebelum mendarat).

Lafaz niat ialah '*Allaahumma Labbaika Hajjan Wa Ahramtu Bihi*' atau '*Nawaitul Hajja Wa Ahramtu Bihi Lillahi Taa'la*'. (Hendaklah menghadirkan di dalam hati "Ya Allah aku berniat menunaikan haji dan berihram dengannya kerana Allah Taa'la"). Selesai berniat maka wajib untuk mematuhi 13 larangan ihram yang telah ditetapkan oleh syarak.

Larangan dalam ihram adalah seperti berikut:

- i. Memakai pakaian berjahit dan bercantum (L)
- ii. Menutup kepala (L).
- iii. Menutup muka (W).
- iv. Menutup dua tapak tangan (W).
- v. Mengenakan wangian (L&P).
- vi. Menanggalkan bulu yang ada pada badan (L&P).
- vii. Memotong kuku atau membinasakannya (L&P).
- viii. Mencabut/ menebang/ merosakkan tumbuhan di tanah haram kecuali tumbuhan yang mati kering (L&P).
- ix. Memburu binatang buruan yang halal dimakan sama ada di tanah halal dan di tanah haram (L&P).
- x. Muqaddimah jimak (L&P).
- xi. Jimak (L&P).
- xii. Bernikah atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya (L&P).
- xiii. Memakai minyak di rambut, janggut, misai atau bulu-bulu di muka (L&P).

Semasa berada dalam keadaan berihram disunatkan untuk memperbanyakkan talbiah iaitu **لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ** ('*Labbaikallaahumma Labbaik....*') dan disunatkan juga untuk sentiasa berada dalam keadaan berwuduk.

### 3.2.3 Tawaf Qudum

Setelah tiba di Mekah, Jemaah Haji Ifrad hendaklah melakukan Tawaf Qudum (jika tidak menghadapi uzur syari'e bagi wanita). Syarat-syarat sah tawaf adalah seperti berikut:

- i. Wajib berniat untuk Tawaf Qudum.
- ii. Suci daripada hadas kecil dan hadas besar.
- iii. Suci badan, pakaian dan tempat tawaf daripada najis kecuali Jemaah yang mengalami *daimul hadas* (sentiasa berhadas) seperti keputihan, kencing tidak lawas, istihadah, angin keluar dari bahagian hadapan (wanita) dan buasir.
- iv. Menutup aurat.
- v. Bermula dan berakhir tawaf di penjuru Hajar Aswad dikira sebagai satu pusingan.
- vi. Cukup 7 pusingan tawaf dengan yakin.
- vii. Tawaf dalam Masjidil Haram di luar kaabah dan tidak terpesong dari niat tawaf.
- viii. Menjadikan Kaabah sentiasa berada di sebelah kiri.

- ix. Tidak menyentuh mana-mana bahagian kaabah termasuk Hijr Ismail.

Tawaf Qudum bagi Haji Iفراد hukumnya sunat tetapi sangatlah dituntut kerana menghormati Baitullah.

### 3.2.3.1 Sunat-sunat Tawaf

- i. Melambaikan tangan ke arah Hajar Aswad atau mengucupnya atau *istilam*.
- ii. Berdoa pada setiap pusingan.
- iii. Berturut-turut.
- iv. *Beridhtiba'* bagi lelaki (membuka bahu kanan dan menutup bahu kiri).
- v. *Ramal* (lari-lari anak bagi lelaki) pada tiga pusingan yang pertama jika ada kelonggaran.
- vi. Melambai tangan ke arah Rukun Yamani.
- vii. Membaca doa Rabbana Atina... antara Rukun Ramani dan Rukun Hajar Aswad.
- viii. Solat sunat selepas tawaf di belakang Makam Ibrahim jika berpeluang serta berdoa atau jika tidak berpeluang bersolatlah di mana-mana kawasan dalam masjid.
- ix. Minum air zam-zam.

Setelah selesai melaksanakan Tawaf Qudum, Jemaah Haji Iفراد dibolehkan untuk Sai'e haji (rukun). Jika ia tidak melakukan Sai'e selepas Tawaf Qudum boleh juga dilakukan selepas Tawaf Ifadhah yakni setelah selesai urusan haji di Arafah.

## 3.2.4 Sai'e

### 3.2.4.1 Syarat-syarat Sah Sai'e adalah seperti berikut:

- i. Dilakukan selepas tawaf umrah yang sempurna.
- ii. Bermula dari bukit Safa dan berakhir di bukit Marwah.
- iii. Hendaklah sampai di penghujung bukit Safa dan Marwah.
- iv. Cukup tujuh perjalanan dengan yakin. (Safa ke Marwah dikira sebagai satu perjalanan, Marwah ke Safa satu perjalanan).
- v. Tidak berniat lain yang boleh memesongkan niat Sai'e.
- vi. Sai'e di antara dua dinding (*Mas'aa* dan *Batnul Wadi*).

\* Jarak perjalanan antara bukit Safa dan Marwah serta sebaliknya adalah:

420m x 7=2,940m (2.94km)

### 3.2.4.2 Sunat-sunat Sai'e

- i. Menuju ke tempat Sai'e melalui Bab as-Safa dan memulakan perjalanan dengan membaca *Abda-u bima badaAllahu Warasuuluhu....* dan membaca ayat Quran *Innas Safa wal Marwata.....*
- ii. Bersuci dari hadas (Berwuduk).
- iii. Berjalan kaki.
- iv. Berlari-lari anak di lampu hijau bagi lelaki.
- v. Berdoa pada setiap perjalanan.
- vi. Berturut-turut.
- vii. Memijak batu di bukit Safa dan bukit Marwah.
- viii. Melambai tangan dan takbir ke arah Kaabah serta berdoa di bukit Safa dan bukit Marwah.
- ix. Menutup aurat.
- x. Berdoa tamat Sai'e di bukit Marwah.

### 3.2.5 Tempoh Menunggu Hari Wukuf

Semasa berada di Mekah ketika menunggu hari wukuf, tiada amalan yang khusus dilakukan tetapi digalakkan untuk melazimi solat di Masjidil Haram, Tawaf Sunat, membaca al-Quran, beriktikaf dan sebagainya kerana pahala setiap ibadat tersebut dalam Masjidil Haram melebihi 100,000 kali ganda dari tempat-tempat lain. Apatah lagi ibadat dilakukan dalam tempoh mereka berihram.

Ingatan kepada wanita uzur ketika dalam ihram, mereka tidak perlu risau kerana tidak dapat beribadat sepanjang keuzuran kerana Allah SWT menjanjikan pahala berganda akibat daripada ketaatan dan keredhaan mereka kepada Allah SWT dalam keadaan kesucian jiwa semasa berihram.

#### 3.2.5.1 Hari Tarwiyah (8 Zulhijjah- Persediaan Menunaikan Haji)

Pergerakan pertama pada hari Tarwiyah adalah menuju ke Mina untuk bermalam dan hukumnya adalah sunat. Semasa di Mina, dibolehkan untuk melakukan solat fardhu secara qasar tanpa jamak dan tiada amalan yang khusus untuk dilakukan pada Hari Tarwiyah melainkan digalakkan untuk memperbanyakkan doa serta berzikir mengingati Allah SWT.

Kebiasaannya, oleh kerana Kerajaan Arab Saudi (Pihak Berkuasa Pengangkutan Darat Arab Saudi) tidak dapat menyediakan kenderaan sepenuhnya untuk semua Jemaah ke Mina maka, diaturkan semua Jemaah terus ke Arafah. Namun, pihak muassasah haji memberi kelonggaran kepada kumpulan-kumpulan Jemaah yang memohon untuk berada di Mina pada hari Tarwiyah.

### 3.2.6 Wukuf

Wukuf di Arafah adalah Rukun Haji yang terbesar seperti mana sabda Baginda SAW *'al-Hajju Arafah'* (Haji itu di Arafah). Wukuf ialah berada di bumi Arafah setelah berniat haji walaupun seketika dalam tempohnya di antara tergelincir matahari 9 Zulhijjah sehingga terbit fajar 10 Zulhijjah dalam keadaan sedar. Afdalnya waktu untuk berwukuf menghimpunkan sebahagian siang dan sebahagian malam.

Sah wukuf walaupun hanya berada di Arafah seketika sahaja. Jemaah yang tidak berwukuf dalam jangka masa yang ditetapkan maka tidak ada haji baginya.

Pada tanggal 9 Zulhijjah iaitu pada hari Wukuf, pergerakan dari Mina menuju ke Arafah bermula setelah terbitnya fajar sehinggalah tiba di Wadi Uranah atau mana-mana bahagian lain di sempadan Arafah. Menjelang gelincir matahari sebelum Zohor, Jemaah akan mendengar khutbah Arafah hingga masuk waktu Zohor maka bermulalah wukuf di Arafah diikuti dengan solat Zohor dan Asar secara qasar dan jamak taqdim.

Namun, secara praktikalnya pihak Muzakarah Ibadat Haji, Tabung Haji memutuskan bahawa Jemaah haji bermazhab Syafi'e digalakkan solat jamak taqdim tanpa qasar yakni 4 rakaat Zohor diikuti 4 rakaat Asar atas alasan Jemaah haji Malaysia bukan dalam keadaan bermusafir (Jamak Tamam).

Setelah selesai Khutbah Arafah dan solat, semasa berada di Arafah untuk berwukuf disunat memperbanyakkan doa kepada Allah SWT akan segala hajat yang diinginkan. Rasulullah SAW bersabda *'Afdhalud-Du'aa-i Du'aa-u yaumi Arafata'* (Sebaik-baik doa adalah doa yang dipohon pada hari Arafah). Di samping zikir-zikir yang *warid* (yang datang dalam hadis) dan bersesuaian.

Semasa wukuf di Arafah, tiada amalan khusus yang ditetapkan oleh syarak melainkan berdoa serta berzikir mengingati Allah SWT. Adalah menjadi satu

kerugian yang amat besar jika seseorang itu tidak menggunakan sepenuhnya untuk berdoa pada hari Arafah. Ulama'-ulama' silam mengatakan adalah satu kekecewaan kepada seseorang Jemaah yang berwukuf mengandaikan bahawa doa dan zikirnya tidak diterima oleh Allah SWT di Arafah.

Cabaran Arafah adalah agak berat kerana Jemaah akan tinggal dalam khemah, berhabuk, menghadapi panas atau sejuk yang kadang kala keterlaluan dan ini menyebabkan keadaan kesihatan terganggu yang memberi kesan kepada perjalanan ibadah. Oleh itu, Jemaah hendaklah bersedia menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku seperti menyediakan bekalan perubatan yang mencukupi, peralatan yang lengkap dan sebagainya bagi menempuh sebarang halangan.

### 3.2.7 Mabit di Muzdalifah

Mabit atau bermalam di Muzdalifah adalah wajib haji. Waktunya daripada tengah malam sehingga subuh 10 Zulhijjah. Jemaah semestinya berada di Muzdalifah walaupun seketika atau sekadar melaluinya selepas pertengahan malam.

Pergerakan dari Arafah ke Muzdalifah bermula dari terbenamnya matahari pada 9 Zulhijjah. Setelah tiba di Muzdalifah, perkara utama yang harus dilakukan ialah menunaikan solat Maghrib dan Isya' secara qasar dan jamak taakhir.

Sekiranya ada di antara Jemaah yang dijadualkan berangkat dari Arafah sudah hampir setengah malam maka mereka dibolehkan solat Maghrib dan Isya' secara jamak takdim di Arafah.

Bagi Jemaah yang dibawa dengan bas yang terlewat tiba di Muzdalifah iaitu selepas Subuh akibat kesesakan jalan raya, maka diputuskan bahawa Jemaah ini tidak berdosa dan tidak wajib membayar dam kerana *mukrah* (sangat terpaksa).

Di Muzdalifah, disunatkan agar mengutip 7 biji anak batu (diharuskan juga untuk mengutip 70 biji anak batu bagi tujuan melontar ketiga-tiga Jamrah) untuk digunakan bagi melontar Jamrah pada keesokkan harinya. Sepanjang bermalam di Muzdalifah, tiada amalan khusus yang disyariat melainkan kita digalakkan untuk mengingati Allah SWT seperti mana yang terkandung dalam al-Quran :

فَإِذَا أَفْضَيْتُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ فَادْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ

(Setelah selesai Wukuf di Arafah maka ingatlah Allah di Masya'ril Haram – Muzdalifah, Surah Al- Baqarah, Ayat 198).

Para Jemaah dinasihatkan untuk menjaga kesihatan dan kebersihan diri semasa berada di Muzdalifah kerana tiada khemah dan Jemaah berada di padang yang terbuka, berhabuk dan terdedah kepada pelbagai masalah.

Pernah terjadi oleh kerana kesesakan jalan raya dari Muzdalifah ke Mina yang menyukarkan Jemaah solat Subuh maka dicadangkan mereka membawa botol semburan (*spray*) untuk mengambil wuduk di dalam bas dan solat Subuh secara darurat.

Setelah masuk pertengahan malam 10 Zulhijjah, lazimnya, Jemaah akan terus ke Mina untuk melontar Jamrah Aqabah (Kubra) pada waktu Dhuha. Terdapat juga Jemaah yang pergi ke Mekah bagi mengerjakan Tawaf Ifadhah dan Saie Haji (jika belum dilakukan selepas Tawaf Qudum) serta bergunting/bercukur pada pagi 10 Zulhijjah. Kemudian balik semula ke Mina untuk melontar Jamrah Aqabah (Kubra). Mereka ini sudah bertahallul Thani dan terlepas daripada semua larangan ihram.

### **Muzdalifah – Mekah**

Jemaah yang membuat pilihan untuk pergi ke Mekah selepas bermabit di Muzdalifah bagi melakukan Tawaf Ifadhah dan Sai'e Haji (jika belum dilakukan selepas Tawaf Qudum) serta telah selesai melakukan kedua-dua rukun tersebut dan bercukur/bergunting maka telah terlaksanalah Tahallul Awalnya. Jika ia hendak menyelesaikan Tahallul Thani, Jemaah hendaklah kembali ke Mina untuk menyelesaikan lontaran Jamrah Aqabah (Kubra). Maka dengan itu, terlepaslah baginya segala larangan ihram. Bererti terhasillah Tahallul Thani.

### **3.2.8 10 Zulhijjah (Hari Nahar)**

Bagi Jemaah yang bertolak ke Mina (lebih afdhal), perjalanannya bermula selepas terbitnya fajar. Perjalanan tersebut menuju ke Jamrah Aqabah (Kubra) yang terletak di penghujung bumi Mina bersempadanan dengan Mekah. Waktu bagi melontar Jamrah Aqabah pada 10 Zulhijjah bermula dari selepas tengah malam dan berakhir ketika terbenam matahari 13 Zulhijjah.



Waktu yang paling afdhal untuk melontar Jamrah Aqabah (Kubra) pada waktu Dhuha 10 Zulhijjah dan jumlah bilangan anak batu yang dilontar adalah 7 biji.

*Haji Akbar* dalam tafsiran umum apabila Jemaah berkesempatan berwukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah dan melontar Jamrah pada 10 Zulhijjah menurut sebahagian pandangan para ulama' kerana pada hari-hari tersebut terhimpun sebahagian besar amalan-amalan haji dalam tempohnya.

Namun, terdapat juga pendapat ulama' yang mentafsirkan bahawa jika berwukuf pada hari Jumaat adalah lebih menepati maksud *Haji Akbar* kerana berlaku pada diri Rasulullah SAW sendiri dan sahabat Baginda SAW. Pada tahun yang ke 10 Hijrah yang di namakan hajjatul wada' .

Setelah selesai melontar Jamrah Aqabah (Kubra) pada 10 Zulhijjah, Jemaah boleh bergunting/bercukur (lebih afdhal bagi lelaki) untuk berTahallul Awal. Selepas berTahallul Awal maka terlepaslah baginya 10 larangan ihram yang disyariatkan kecuali bercumbu-cumbuan, bersetubuh dan bernikah.

### **3.2.9 Tawaf Ifadhah dan Sai'e Haji**

Tawaf Ifadhah adalah rukun yang ketiga bagi ibadat haji. Tawaf ini bermula dari pertengahan malam 10 Zulhijjah dan tiada pengakhiran baginya.

Sai'e Haji pula adalah rukun yang tidak tertib bagi Haji Ifrad. Sekiranya Jemaah telah melakukan Sai'e haji selepas Tawaf Qudum maka tiada lagi Sai'e selepas Tawaf Ifadhah. Bagi Jemaah yang masih belum melakukan Sai'e haji selepas Tawaf Qudum maka wajib baginya melakukan Sai'e tersebut selepas Tawaf Ifadhah. Afdhalnya untuk Tawaf Ifadhah dan Sai'e Haji adalah selepas waktu Dhuha 10 Zulhijjah.

Bagi Jemaah yang ingin menangguhkan Tawaf dan Sai'e pada 10 Zulhijjah, mereka masih tertakluk dengan larangan ihram iaitu bercumbu-cumbuan, bersetubuh dan bernikah.

Selesai menunaikan Tawaf Ifadhah dan Sai'e Haji maka terlepaslah bagi Jemaah segala larangan ihram yang dikenakan ke atas dirinya. Ini dinamakan Tahallul Thani atau Tahallul Kubra. Walaupun mereka belum lagi menyempurnakan mabit tiga malam di Mina dan melontar ketiga-tiga Jamrah pada Hari-Hari Tasyriq.

### 3.2.10 Bermalam di Mina

Bermalam di Mina pada Hari-Hari Tasyriq adalah wajib haji. Pada setiap malam, Jemaah mesti berada di Mina pada sebahagian besar malamnya (sekurang-kurangnya 6 jam) dan tidak disyaratkan untuk berada di Mina pada waktu siang hari. Namun, adalah sunat berada siang hari pada Hari-Hari Tasyriq di Mina menepati Ayat 200, Surah Al-Baqarah.

فَإِذَا قَضَيْتُمْ مَنَسِكَكُمْ فَادْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ  
ءَابَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا فَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ  
رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا وَمَالُهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ

Dikira bermalam itu mulai hari 10 malam 11 Zulhijjah, 11 malam 12 Zulhijjah dan 12 malam 13 Zulhijjah. Cara ini dipanggil Nafar Thani.

Semasa berada di Mina pada Hari-hari Tasyriq, dibenarkan untuk melakukan solat fardhu secara qasar tanpa jamak dan tiada amalan yang khusus untuk dilakukan sepanjang keberadaan di Mina melainkan melontar ketiga-tiga Jamrah selama tiga hari dan melakukan segala bentuk zikir, doa, membaca Quran serta mengikuti kuliah/tazkirah agama yang menambahkan ketaqwaan dan keinsafan demi mengingati Allah SWT sepertimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW.

Mengikut kebiasaan yang diamalkan sekarang Jemaah Haji Malaysia digalakkan solat jamak takdim yang dilakukan secara tamam. Malah sesetengah Jemaah terus solat tamam di dalam waktunya kerana mereka lebih berkeyakinan.

### 3.2.11 Nafar Awwal

Maksud Nafar ialah meninggalkan Mina pada Hari Tasyriq

Seseorang Jemaah semestinya berada di Mina sekurang-kurang dua malam bagi yang ingin melakukan Nafar Awwal dengan syarat mestilah keluar dari bumi Mina sebelum terbenamnya matahari pada 12 Zulhijjah selepas melontar ketiga-tiga Jamrah pada hari tersebut. Jika masih berada di bumi Mina selepas terbenamnya matahari maka ia mestilah terus berada di Mina bermabit satu malam lagi (malam 13 Zulhijjah) dan melontar Jamrah yang terakhir pada keesokan harinya, maka jadilah ia Nafar Thani. Syarat untuk Nafar Awwal hendaklah berniat ketika melontar Jamratul Aqabah pada hari 12 Zulhijjah tetapi

jangan melewati sempadan Mina Mekah. Untuk maklumat sempadan Mina Mekah di bawah jambatan Jamrah Aqabah. Sesiapa yang berniat Nafar Awwal melepasi sempadan Mina Mekah maka Nafar Awwalnya tidak sah.

Mereka yang melakukan Nafar Awwal tidak dikenakan dam dan tidak berdosa kerana diberi kebenaran syarak melalui Ayat 203, Surah Al-Baqarah.

### **3.2.12 Nafar Thani**

Jemaah yang bermabit tiga malam di Mina dan melontar ketiga-tiga Jamrah pada Hari Tasyriq itu dengan lengkapnya maka ia dinamakan Nafar Thani.

### **3.2.13 Melontar Ketiga- tiga Jamrah pada Hari Tasyriq**

Melontar Jamrah pada ketiga-tiga Hari Tasyriq adalah wajib haji. Ketiga-tiga Jamrah tersebut ialah Sughra (Ula), Wustho dan Kubra (Aqabah). Waktu untuk melontar Jamrah pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah bermula selepas gelincir matahari dan berakhir sebelum terbit fajar hari berikutnya.

Amalan ketika ini, oleh kerana Pihak Berkuasa Kerajaan Arab Saudi menyediakan pengangkutan bermula dari pagi 13 Zulhijjah, maka Jemaah dibenarkan melontar selepas subuh pagi 13 Zulhijjah (terpaksa).

#### **3.2.13.1 Syarat-syarat Sah Melontar**

- i. Melontar 7 biji anak batu satu persatu pada setiap Jamrah.
- ii. Melontar dengan tertib iaitu dimulai dengan Sughra (Ula), Wustho dan Kubra (Aqabah) kecuali lontaran 10 Zulhijjah di Jamrah Aqabah sahaja.
- iii. Tidak terpesong niat untuk melontar (melontar semata-mata kerana ibadat).
- iv. Melontar dengan menggunakan anak batu.
  - v. Anak batu yang dilontar diyakini masuk ke dalam Jamrah.
  - vi. Dengan gaya melontar/merejam (bukan membuang batu).
  - vii. Melontar dengan tangan (kecuali bagi yang tiada tangan).

Sekiranya Jemaah tidak berkesempatan atau mempunyai kesukaran melontar pada hari 11 Zulhijjah, ia boleh menggantikannya pada hari 12 Zulhijjah ataupun menghimpun semua lontaran pada hari 13 Zulhijjah dengan syarat mengulangi

lontaran satu demi satu mengikut harinya. Lontaran ini hendaklah disempurnakan sebelum terbenam matahari 13 Zulhijjah.

Bagi Jemaah yang uzur syari'e (tidak berkemampuan), bolehlah mewakilkan kepada orang lain sama ada secara upah atau suka rela dengan syarat wakil itu di akad setelah masuk waktu melontar.

### **3.2.14 Umrah Mengiringi Haji**

Setelah selesai melaksanakan ibadat haji yakni selepas Hari-Hari Tasyriq maka Jemaah hendaklah melakukan umrah dengan cara berniat di Miqat tanah halal seperti di Taniem, Jaa'ranah atau Hudaibiyah.

### **3.2.15 Kaedah mengerjakan Umrah**

- a. Sebelum berniat menunaikan umrah, afdalnya melakukan perkara-perkara sunat terlebih dahulu semasa di penginapan sebelum pergi ke Miqat iaitu seperti memotong kuku, mencukur bulu yang disyariatkan seumpama bulu ari-ari dan bulu ketiak. Selain itu disunatkan juga untuk mandi sunat ihram.
- b. Setelah itu, Jemaah lelaki dikehendaki memakai pakaian ihram (2 helai kain lepas yang tidak bercantum-sehelai di pakai di bahagian bawah menutupi aurat dan sehelai lagi di pakai di bahagian atas menyelubungi tubuh).
- c. Jemaah wanita menutupi seluruh tubuh kecuali muka dan dua tapak tangan.
- d. Setibanya di Miqat, disarankan menunaikan solat sunat ihram.

#### **3.2.15.1 Niat**

Lafaz niat umrah ialah seperti berikut:

*'Allaahumma Labbaika Umrata Wa Ahramtu Biha' atau 'Nawaitul Umrata Wa Ahramtu Biha Lillahi Taa'la'.* Setelah selesai berniat ihram umrah, Jemaah dikehendaki menjaga 13 perkara dalam larangan ihram.

Larangan dalam ihram adalah seperti berikut:

- i. Memakai pakaian berjahit dan bercantum (L).
- ii. Menutup kepala (L).
- iii. Menutup muka (W).

- iv. Menutup dua tapak tangan (W).
- v. Mengenakan wangian (L&P).
- vi. Menanggalkan bulu yang ada pada badan (L&P).
- vii. Memotong kuku atau membinasakannya (L&P).
- viii. Mencabut/ menebang/ merosakkan tumbuhan di tanah haram kecuali tumbuhan yang mati kering (L&P).
- ix. Memburu binatang buruan yang halal dimakan sama ada di tanah halal dan di tanah haram (L&P).
- x. Muqaddimah jimak (L&P).
- xi. Jimak (L&P).
- xii. Bernikah atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya (L&P).
- xiii. Memakai minyak di rambut, janggut, misai atau bulu-bulu di muka (L&P).

Semasa berada dalam keadaan berihram disunatkan untuk memperbanyakkan talbiah iaitu **لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ رَبِّي** (*Labbaikallaahumma Labbaik...*) dan disunatkan juga untuk sentiasa berada dalam keadaan berwuduk.

### 3.2.15.2 Tawaf Umrah

Setibanya di Mekah, Jemaah hendaklah melakukan Tawaf Umrah. Syarat-syarat sah Tawaf adalah seperti berikut:

- i. Suci daripada hadas kecil dan hadas besar.
- ii. Suci badan, pakaian dan tempat tawaf daripada najis kecuali Jemaah yang mengalami *daimul hadas* (sentiasa berhadas) seperti keputihan, kencing tidak lawas, istihadah, angin keluar dari bahagian hadapan (wanita) dan buasir.
- iii. Menutup aurat.
- iv. Bermula dan berakhir tawaf di penjuru Hajar Aswad dikira sebagai satu pusingan.
- v. Cukup 7 pusingan tawaf dengan yakin.
- vi. Tawaf dalam Masjidil Haram di luar kaabah dan tidak terpesong dari niat tawaf.
- vii. Menjadikan Kaabah sentiasa berada di sebelah kiri.
- viii. Tidak menyentuh mana-mana bahagian kaabah termasuk Hijr Ismail.

### 3.2.15.3 Sunat-sunat Tawaf

- i. Berniat tawaf umrah.
- ii. Melambaikan tangan ke arah Hajar Aswad atau mengucupnya atau *istilam*.
- iii. Berdoa pada setiap pusingan.
- iv. Berturut-turut.
- v. *Beridhtiba'* bagi lelaki (membuka bahu kanan dan menutup bahu kiri).
- vi. *Ramal* (lari-lari anak bagi lelaki) pada tiga pusingan yang pertama jika ada kelonggaran.
- vii. Melambai tangan ke arah rukun yamani.
- viii. Membaca doa Rabbana Atina....antara Rukun Yamani dengan Rukun Hajar Aswad.
- ix. Solat sunat selepas tawaf di belakang Makam Ibrahim jika berpeluang serta berdoa atau jika tidak berpeluang bersolatlah di mana-mana kawasan dalam masjid.
- x. Minum air zam-zam.

### 3.2.15.4 Sai'e Umrah

Setelah selesai melakukan Tawaf Umrah Jemaah hendaklah melakukan Sai'e Umrah. **Syarat-syarat Sah Sai'e adalah seperti berikut:**

- i. Dilakukan selepas tawaf umrah yang sempurna.
- ii. Bermula dari bukit Safa dan berakhir di bukit Marwah.
- iii. Hendaklah sampai dipenghujung bukit Safa dan Marwah.
- iv. Cukup tujuh perjalanan dengan yakin. (Safa ke Marwah dikira sebagai satu perjalanan, Marwah ke Safa satu perjalanan).
- v. Tidak berniat lain yang boleh memesongkan niat Sai'e.
- vi. Sai'e di antara dua dinding (*Mas'aa* dan *Batnul Wadi*).

### 3.2.15.5 Sunat-sunat Sai'e

- i. Menuju ke tempat Sai'e melalui Bab as-Safa dan memulakan perjalanan dengan membaca *Abda-u bima badaAllah Warasuuluhu....* dan membaca ayat Quran *Innas Safa wal Marwata.....*
- ii. Bersuci dari hadas (Berwuduk).

- iii. Berjalan kaki.
- iv. Berlari-lari anak di lampu hijau bagi lelaki.
- v. Berdoa pada setiap perjalanan.
- vi. Berturut-turut.
- vii. Memijak batu di bukit Safa dan bukit Marwah.
- viii. Melambai tangan dan takbir ke arah Kaabah serta berdoa di bukit Safa dan bukit Marwah.
- ix. Menutup aurat.
- x. Berdoa tamat Sai'e di bukit Marwah.

**3.2.15.6 Bergunting/ Bercukur (Tahallul Umrah). Syarat sah bercukur seperti berikut:**

- i. Telah sempurna tawaf dan saie.
- ii. Menghilangkan rambut sekurang-kurangnya 3 helai sama ada cara bercukur, mencabut, bergunting kecuali bagi orang yang tiada rambut disunatkan melalukan pisau cukur ke atas kepalanya (tidak sah bergunting janggut/misai untuk menggantikan rambut bagi orang yang tidak berambut).
- iii. Sunat bagi wanita memintal hujung rambut sebelah kanan seruas jari dan mengguntingnya (tidak membuka aurat di khalayak ramai).
- iv. Sah bergunting oleh sesiapa pun asalkan telah sempurna tawaf dan Sai'e.

\*\*Dengan melakukan perkara-perkara di atas, maka selesailah Haji Ifradnya.

**3.2.15.7 Tawaf Wada'**

Tawaf Wada' adalah tawaf selamat tinggal kerana memuliakan dan menghormati Baitullah bagi mereka yang hendak meninggalkan Kota Mekah 2 Marhallah atau 91 kilometer. Hukumnya adalah wajib. Sekiranya tidak dilakukan atau terbatal Tawaf Wada', wajiblah membayar dam dengan menyembelih seekor kambing ataupun 1/7 daripada seekor unta/lembu.


**3.3 KESIMPULAN**

Haji Ifrad merupakan jenis haji yang dilakukan dengan niat menunaikan haji terlebih dahulu dalam bulan-bulan haji dan melakukan seluruh amalan haji kemudian menunaikan

umrah dalam musim yang sama. Atau menunaikan haji sahaja tanpa ibadah umrah (tidak afdal). Lazimnya Jemaah yang sesuai memilih Haji Ifrad ialah mereka yang memasuki Mekah hampir hari Wukuf (kebiasaannya orang tempatan) kerana tidak lama berada dalam ihram. Pelaksanaan Haji Ifrad juga tidak dikenakan Dam sekiranya tidak melanggar mana-mana wajib haji dan larangan ihram. (Walau bagaimanapun tetap juga dianggap Haji Ifrad jika melakukan umrah dahulu di luar bulan haji dan mengerjakan haji pada bulan-bulan haji pada tahun yang sama)



## BAB 4



### HAJI TAMATTU'

#### 4.1 PENGENALAN

Haji Tamattu' ialah ibadat haji yang dimulai dengan mengerjakan ibadat umrah pada bulan-bulan haji (1 Syawal-10 Zulhijjah) dan kemudian mengerjakan ibadat haji pada tahun yang sama.

Haji Tamattu' diwajibkan Dam Tertib dan Takdir (seekor kambing, kibas atau 1/7 daripada seekor lembu, unta atau haiwan yang sebanding dengannya). Jika tidak berkemampuan maka diganti dengan berpuasa selama 10 hari iaitu 3 hari di Mekah (masa haji) dan 7 hari setelah pulang ke tempat asalnya. Sekiranya tidak berkeupayaan, maka diganti dengan membayar sepuluh cupak makanan kepada sepuluh fakir miskin di tanah suci, jika tidak berupaya juga maka tertanggunglah ke atas *zimmahnya*.

#### 4.2 KAEDAH PELAKSANAAN HAJI TAMATTU'

Sebelum berniat menunaikan umrah, afdalnya melakukan perkara-perkara sunat terlebih dahulu sebelum sampai di Miqat iaitu seperti memotong kuku, mencukur bulu yang disyariatkan seumpama bulu ari-ari dan bulu ketiak. Selain itu disunatkan juga untuk mandi sunat ihram dan melakukan solat sunat ihram kecuali bagi mereka yang uzur syari'e.

Setelah itu, Jemaah lelaki dikehendaki memakai pakaian ihram (2 helai kain lepas yang tidak bercantum – sehelai di pakai di bahagian bawah menutupi aurat dan sehelai lagi di pakai di bahagian atas menyelubungi tubuh).

Jemaah wanita menutupi seluruh tubuh kecuali muka dan dua tapak tangan.

##### 4.2.1 Niat

Lafaz niat umrah ialah seperti berikut:

'*Allaahumma Labbaika Umrata Wa Ahramtu Biha*' atau '*Nawaitul Umrata Wa Ahramtu Biha Lillahi Taa'la*'. Setelah selesai berniat ihram umrah, Jemaah dikehendaki menjaga 13 perkara dalam larangan ihram.

Larangan dalam ihram adalah seperti berikut:

- i. Memakai pakaian berjahit dan bercantum (L).
- ii. Menutup kepala (L).
- iii. Menutup muka (W).
- iv. Menutup dua tapak tangan (W).
- v. Mengenakan wangian (L&P).
- vi. Menanggalkan bulu yang ada pada badan (L&P).
- vii. Memotong kuku atau membinasakannya (L&P).
- viii. Mencabut/ menebang/ merosakkan tumbuhan di tanah haram kecuali tumbuhan yang mati kering (L&P).
- ix. Memburu binatang buruan yang halal dimakan sama ada di tanah halal dan di tanah haram (L&P).
- x. Muqaddimah jimak (L&P).
- xi. Jimak (L&P).
- xii. Bernikah atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya (L&P).
- xiii. Memakai minyak di rambut, janggut, misai atau bulu-bulu di muka (L&P).

Semasa berada dalam keadaan berihram disunatkan untuk memperbanyakkan talbiah iaitu **لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ** (*Labbaikallaahumma Labbaik....*) dan disunatkan juga untuk sentiasa berada dalam keadaan berwuduk.

#### 4.2.2 Miqat

Setelah selesai melaksanakan perkara-perkara sunat ihram, maka Jemaah berniat umrah di Miqat yang akan dilalui untuk memasuki Kota Mekah. Sekiranya berada di Madinah maka Miqatnya di Zulhulaifah. Untuk yang datang dari arah Najd maka Miqatnya adalah Qarnul Manazil manakala yang datang dari arah Syam dan Mesir akan berMiqat di Juhfah. Seterusnya yang datang dari arah Yaman berMiqat di Yalamlam dan dari Iraq Miqatnya di Zat 'Irq.

Jemaah Malaysia yang memasuki Mekah melalui Madinah, Miqatnya adalah di Zulhulaifah (Bir Ali).

Jemaah Malaysia yang memasuki Kota Mekah, Miqatnya adalah Qarnul Manazil (dalam penerbangan 1 jam sebelum mendarat).

### 4.2.3 Tawaf Umrah

Setibanya di Mekah, Jemaah hendaklah melakukan Tawaf Umrah. Syarat-syarat sah tawaf adalah seperti berikut:

- i. Suci daripada hadas kecil dan hadas besar.
- ii. Suci badan, pakaian dan tempat tawaf daripada najis kecuali Jemaah yang mengalami *daimul hadas* (sentiasa berhadas) seperti keputihan, kencing tidak lawas, istihadah, angin keluar dari bahagian hadapan (wanita) dan buasir.
- iii. Menutup aurat.
- iv. Bermula dan berakhir tawaf di penjuru Hajar Aswad dikira sebagai satu pusingan.
- v. Cukup 7 pusingan tawaf dengan yakin.
- vi. Tawaf dalam Masjidil Haram di luar kaabah dan tidak terpesong dari niat tawaf.
- vii. Menjadikan Kaabah sentiasa berada di sebelah kiri.
- viii. Tidak menyentuh mana-mana bahagian kaabah termasuk Hijr Ismail.

#### 4.2.3.1 Sunat-sunat Tawaf

- i. Berniat jika tawaf haji dan tawaf umrah.
- ii. Melambatkan tangan ke arah Hajar Aswad atau mengucupnya atau *istilam*.
- iii. Berdoa pada setiap pusingan.
- iv. Berturut-turut.
- v. *Berittibagh* bagi lelaki (membuka bahu kanan dan menutup bahu kiri).
- vi. *Ramal* (lari-lari anak bagi lelaki) pada tiga pusingan yang pertama jika ada kelonggaran.
- vii. Melambai tangan ke arah Rukun Yamani.
- viii. Membaca doa Rabbana Atina...antara Rukun Yamani dengan Rukun Hajar Aswad.
- ix. Solat sunat selepas tawaf di belakang Makam Ibrahim jika berpeluang serta berdoa atau jika tidak berpeluang bersolatlah di mana-mana kawasan dalam masjid.
- x. Minum air zam-zam.

#### 4.2.4 Sai'e Umrah

Setelah selesai melakukan Tawaf Umrah Jemaah hendaklah melakukan Sai'e Umrah. **Syarat-syarat sah Sai'e adalah seperti berikut:**

- i. Dilakukan selepas tawaf umrah yang sempurna.
- ii. Bermula dari bukit Safa dan berakhir di bukit Marwah.
- iii. Hendaklah sampai di penghujung bukit Safa dan Marwah.
- iv. Cukup tujuh perjalanan dengan yakin. (Safa ke Marwah dikira sebagai satu perjalanan, Marwah ke Safa satu perjalanan).
- v. Tidak berniat lain yang boleh memesongkan niat Sai'e.
- vi. Sai'e di antara dua dinding (*Mas'aa* dan *Batnul Wadi*).

##### 4.2.4.1 Sunat-sunat Sai'e

- i. Menuju ke tempat Sai'e melalui Bab as-Safa dan memulakan perjalanan dengan membaca *Abda-u bima badaAllah Warasuuluhu....* dan membaca ayat Quran *Innas Safa wal Marwata.....*
- ii. Bersuci daripada hadas (Berwuduk).
- iii. Berjalan kaki.
- iv. Berlari-lari anak di lampu hijau bagi lelaki.
- v. Berdoa pada setiap perjalanan.
- vi. Berturut-turut.
- vii. Memijak batu di bukit Safa dan bukit Marwah.
- viii. Melambai tangan dan takbir ke arah Kaabah serta berdoa di bukit Safa dan bukit Marwah.
- ix. Menutup aurat.
- x. Berdoa tamat Sai'e di bukit Marwah.

#### 4.2.5 Bergunting/ Bercukur (Tahallul Umrah). Syarat-syarat sah bercukur adalah seperti berikut:

- i. Telah sempurna tawaf dan saie.
- ii. Menghilangkan rambut sekurang-kurangnya 3 helai sama ada cara bercukur, mencabut, bergunting kecuali bagi orang yang tiada rambut disunatkan melalukan pisau cukur ke atas kepalanya (tidak sah bergunting janggut/misai untuk menggantikan rambut bagi orang yang tidak berambut)
- iii. Sunat bagi wanita memintal hujung rambut sebelah kanan seruas jari dan mengguntingnya (tidak membuka aurat di khalayak ramai).

iv. Sah bergantung oleh sesiapa pun asalkan telah sempurna tawaf dan Sai'e.

\*\*Dengan melakukan perkara-perkara di atas, maka selesailah umrahnya.

#### **4.2.6 Tempoh Menunggu Hari Wukuf**

Semasa berada di Mekah ketika menunggu hari wukuf, tiada amalan yang khusus dilakukan tetapi digalakkan untuk melazimi solat di Masjidil Haram, Tawaf Sunat, membaca al-Quran, beriktikaf dan sebagainya kerana pahala setiap ibadat tersebut dalam Masjidil Haram melebihi 100,000 kali ganda dari tempat-tempat lain.

Ingatan kepada wanita uzur ketika dalam ihram, mereka tidak perlu risau kerana tidak dapat beribadat sepanjang keuzuran kerana Allah SWT menjanjikan pahala berganda akibat daripada ketaatan dan keredhaan mereka kepada Allah SWT dalam keadaan kesucian jiwa semasa berihram.

#### **4.2.7 Hari Tarwiyah (8 Zulhijjah- Persediaan Menunaikan Haji)**

Apabila tibanya Hari Tarwiyah iaitu 8 Zulhijjah Jemaah Haji Tamattu' akan berniat menunaikan haji di tanah haram (sebaik-baiknya di tempat penginapan) untuk melaksanakan ibadat haji dan berihram dengannya.

Sebelum berniat, jemaah disunatkan melakukan perkara-perkara seperti memotong kuku, mencukur bulu yang disyariatkan seumpama bulu ari-ari, bulu ketiak dan juga mengandam rambut. Selain itu disunatkan juga untuk mandi sunat ihram dan mengenakan wangi-wangian pada badan serta melakukan solat sunat ihram. Pakaian ihram bagi lelaki dan wanita disunatkan berwarna putih.

Tempat untuk berniat ihram haji ialah di kediamannya atau di mana-mana tanah haram Mekah manakala lafaz niat ialah '*Allaahumma Labbaika Hajjan Wa Ahramtu Bihi*' atau '*Nawaitul Hajja Wa Ahramtu Bihi Lillahi Taa'la*'. (Hendaklah menghadirkan di dalam hati "Ya Allah aku berniat menunaikan haji dan berihram dengannya kerana Allah Taa'la"). Selesai berniat maka wajib untuk mematuhi 13 larangan ihram yang telah ditetapkan oleh syarak.

Bagi Jemaah yang menghadapi sakit kronik seperti sakit jantung dan berada di hospital digalakkan untuk menyertakan niat bersyarat bersama-sama dengan niat

haji iaitu '*Fain habasani habisun fa mahalli haithu habastani*'. (Sekiranya aku terhalang oleh halangan syarak maka aku bertahallul kerana Allah Taa'la).

Setelah berniat haji maka pergerakan pertamanya adalah menuju ke Mina untuk bermalam dan hukumnya adalah sunat. Semasa di Mina, dibolehkan untuk melakukan solat fardhu secara qasar tanpa jamak dan tiada amalan yang khusus untuk dilakukan pada Hari Tarwiyah melainkan digalakkan untuk memperbanyakkan doa serta berzikir mengingati Allah SWT.

Kebiasaannya, oleh kerana Kerajaan Arab Saudi (Pihak Berkuasa Pengangkutan Darat Arab Saudi) tidak dapat menyediakan kenderaan sepenuhnya untuk semua Jemaah ke Mina maka, diaturkan semua Jemaah terus ke Arafah. Namun, pihak muassasah haji memberi kelonggaran kepada kumpulan-kumpulan Jemaah yang memohon untuk berada di Mina pada hari Tarwiyah.

#### **4.2.8 Wukuf**

Wukuf di Arafah adalah Rukun Haji yang terbesar seperti mana sabda Baginda SAW '*al-Hajju Arafah*' (Haji itu di Arafah). Wukuf ialah berada di bumi Arafah setelah berniat haji walaupun seketika dalam tempohnya di antara tergelincir matahari 9 Zulhijjah sehingga terbit fajar 10 Zulhijjah dalam keadaan sedar. Afdalnya waktu untuk berwukuf menghimpunkan sebahagian siang dan sebahagian malam.

Sah wukuf walaupun hanya berada di Arafah seketika sahaja. Jemaah yang tidak berwukuf dalam jangka masa yang ditetapkan maka tidak ada haji baginya.

Pada tanggal 9 Zulhijjah iaitu pada hari Wukuf, pergerakan dari Mina menuju ke Arafah bermula setelah terbitnya fajar sehinggalah tiba di Wadi Uranah atau mana-mana bahagian lain di sempadan Arafah. Menjelang gelincir matahari sebelum Zohor Jemaah akan mendengar khutbah Arafah hingga masuk waktu Zohor maka bermulalah wukuf di Arafah diikuti dengan solat Zohor dan Asar secara qasar dan jamak taqdim.

Namun, secara praktikalnya pihak Muzakarrah Ibadat Haji, Tabung Haji Pusat Islam memutuskan bahawa Jemaah haji bermazhab Syafi'e digalakkan solat jamak taqdim tanpa qasar yakni 4 rakaat Zohor diikuti 4 rakaat Asar atas alasan Jemaah haji Malaysia bukan dalam keadaan bermusafir (Jamak Tamam).

Setelah selesai Khutbah Arafah dan solat, semasa berada di Arafah untuk berwukuf disunat memperbanyakkan doa kepada Allah SWT akan segala hajat yang diinginkan. Rasulullah SAW bersabda '*Khair ad-Du'a Du'a yaum Arafah*' (Sebaik-baik doa adalah doa yang dipohon pada hari Arafah). Di samping zikir-zikir yang *warid* (yang datang dalam hadis) dan bersesuaian.

Semasa wukuf di Arafah, tiada amalan khusus yang ditetapkan oleh syarak melainkan berdoa serta berzikir mengingati Allah SWT. Adalah menjadi satu kerugian yang amat besar jika seseorang itu tidak menggunakan sepenuhnya untuk berdoa pada hari Arafah. Ulama'-ulama' silam mengatakan adalah satu kekecewaan kepada seseorang Jemaah yang berwukuf mengandaikan bahawa doa dan zikirnya tidak diterima oleh Allah SWT di Arafah.

Cabaran Arafah adalah agak berat kerana Jemaah akan tinggal dalam khemah, berhabuk, menghadapi panas atau sejuk yang kadang kala keterlaluan dan ini menyebabkan keadaan kesihatan tergugat yang memberi kesan kepada perjalanan ibadah. Oleh itu, Jemaah hendaklah bersedia menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku seperti menyediakan bekalan perubatan yang mencukupi, peralatan yang lengkap dan sebagainya bagi menempuh sebarang halangan.

#### **4.2.9 Mabit di Muzdalifah**

Mabit atau bermalam di Muzdalifah adalah wajib haji. Waktunya daripada tengah malam sehingga subuh 10 Zulhijjah. Jemaah semestinya berada di Muzdalifah walaupun seketika atau sekadar melaluinya selepas pertengahan malam.

Pergerakan dari Arafah ke Muzdalifah bermula dari terbenamnya matahari pada 9 Zulhijjah. Setelah tiba di Muzdalifah, perkara utama yang harus dilakukan ialah menunaikan solat Maghrib dan Isya' secara qasar dan jamak taakhir.

Sekiranya ada di antara jemaah yang jadual berangkat dari Arafah sudah hampir setengah malam maka mereka dibolehkan solat Maghrib dan Isyak secara jamak takdim di Arafah.

Terdapat Jemaah yang dibawa dengan bas lewat tiba di Muzdalifah iaitu selepas Subuh akibat kesesakan jalan raya. Maka, diputuskan bahawa Jemaah ini tidak berdosa dan tidak wajib membayar dam kerana *mukrah* (sangat terpaksa).

Di Muzdalifah, disunatkan agar mengutip 7 biji anak batu untuk digunakan bagi melontar Jamrah pada keesokan harinya. Sepanjang bermalam di Muzdalifah, tiada amalan khusus yang disyariat melainkan kita digalakkan untuk mengingati Allah SWT seperti mana yang terkandung dalam al-Quran :

فَإِذَا أَفَضْتُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ فَاذْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ

(Setelah selesai wukuf di Arafah maka ingatlah Allah di Masya'ril Haram – Muzdalifah, Surah Al-Baqarah, Ayat 198).

Para Jemaah dinasihatkan untuk menjaga kesihatan dan kebersihan diri semasa berada di Muzdalifah kerana tiada khemah dan Jemaah berada di padang yang terbuka, berhabuk dan terdedah kepada pelbagai masalah.

Pernah terjadi oleh kerana kesesakan jalan raya dari Muzdhalifah ke Mina yang menyukarkan jemaah solat subuh maka dicadangkan mereka membawa botol semburan (*spray*) untuk mengambil wuduk di dalam bas dan solat subuh secara darurat.

Setelah masuk pertengahan malam 10 Zulhijjah, lazimnya, Jemaah akan terus ke Mina untuk melontar Jamrah Aqabah pada waktu Dhuha. Terdapat juga Jemaah yang pergi ke Mekah bagi mengerjakan Tawaf Ifadhah dan Saie Haji serta bergunting/bercukur pada pagi 10 Zulhijjah. Kemudian balik semula ke Mina untuk melontar Jamrah Aqabah. Mereka ini sudah berTahallul Thani dan terlepas dari semua larangan ihram.

#### 4.2.10 10 Zulhijjah (Hari Nahar)

Bagi Jemaah yang bertolak ke Mina, perjalanannya bermula selepas terbitnya fajar. Perjalanan tersebut menuju ke Jamrah Aqabah yang terletak di penghujung bumi Mina bersempadanan dengan Mekah. Waktu bagi melontar Jamrah Aqabah pada 10 Zulhijjah bermula dari selepas tengah malam dan berakhir ketika terbenam matahari 13 Zulhijjah.

Waktu yang paling afdhal untuk melontar Jamrah Aqabah pada waktu Dhuha 10 Zulhijjah dan jumlah bilangan batu yang dilontar adalah 7 biji.

*Haji Akbar* dalam tafsiran umum apabila Jemaah berkesempatan berwukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah dan melontar Jamrah pada 10 Zulhijjah menurut



sebahagian pandangan para ulama' kerana pada hari-hari tersebut terhimpun sebahagian besar amalan-amalan haji dalam tempohnya.

Namun, terdapat juga pendapat ulama' yang mentafsirkan bahawa jika berwukuf pada hari Jumaat adalah lebih menepati maksud *Haji Akbar* kerana berlaku pada diri Rasulullah SAW sendiri dan sahabat Baginda SAW. Pada tahun yang ke 10 Hijrah yang di namakan hajjatul wada' .

Setelah selesai melontar Jamrah Aqabah pada 10 Zulhijjah, Jemaah boleh bergunting/bercukur (lebih afdal bagi lelaki) untuk berTahallul Awal. Selepas berTahallul Awal maka terlepaslah baginya 10 larangan ihram yang disyariatkan kecuali bercumbu-cumbuan, bersetubuh dan bernikah.

#### **4.2.11 Tawaf Ifadhah dan Sai'e Haji**

Tawaf Ifadhah adalah rukun yang ketiga bagi ibadat haji. Tawaf ini bermula dari pertengahan malam 10 Zulhijjah dan tiada pengakhiran baginya.

Sai'e Haji pula adalah rukun yang tertib bagi Haji Tammattu' dan mestilah dilakukan selepas Tawaf Ifadhah. Afdalnya untuk Tawaf Ifadhah dan Sai'e Haji adalah selepas waktu Dhuha 10 Zulhijjah.

Bagi Jemaah yang ingin menangguhkan Tawaf dan Sai'e pada 10 Zulhijjah, mereka masih tertakluk dengan larangan ihram iaitu bercumbu-cumbuan, bersetubuh dan bernikah.

Selesai menunaikan Tawaf Ifadhah dan Sai'e Haji maka terlepaslah bagi Jemaah segala larangan ihram yang dikenakan ke atas dirinya. Ini dinamakan Tahallul Thani atau Tahallul Kubra. Walaupun mereka belum lagi menyempurnakan bermalam tiga malam di Mina dan melontar ketiga-tiga Jamrah pada hari-hari tasyrik.

Dengan pelaksanaan Ibadat umrah dan haji yang telah disempurnakan maka terhasillah Haji Tamattu' dan wajib ke atas Jemaah membayar dam tertib dan taqdir iaitu menyembelih seekor kambing atau 1/7 daripada seekor unta/lembu atau mengikut syarat-syarat yang telah disebut sebelum ini.

#### 4.2.12 Muzdalifah – Mekah

Jemaah yang membuat pilihan untuk pergi ke Mekah selepas bermabit di Muzdalifah bagi melakukan Tawaf Ifadhah dan Sai'e Haji serta telah selesai melakukan kedua-dua rukun tersebut dan bercukur/bergunting maka telah terlaksanalah Tahallul Awalnya. Jika ia hendak menyelesaikan Tahallul Thani, Jemaah hendaklah kembali ke Mina untuk menyelesaikan lontaran Jamrah Aqabah. Maka dengan itu, terlepaslah baginya segala larangan ihram. Bererti terhasillah Tahallul Thani

#### 4.2.13 Bermalam di Mina

Bermalam di Mina pada Hari-Hari Tasyriq adalah wajib haji. Pada setiap malam, Jemaah mesti berada di Mina pada sebahagian besar malamnya (sekurang-kurangnya 6 jam) dan tidak disyaratkan untuk berada di Mina pada waktu siang hari. Namun, adalah sunat berada siang hari pada Hari-Hari Tasyriq di Mina menepati Ayat 200, Surah Al-Baqarah.

فَإِذَا قَضَيْتُمْ مَنَسِكَكُمْ فَاذْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ  
ءَابَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا فَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ  
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِن خَلْقٍ ﴿٢٠٠﴾

Dikira bermalam itu mulai hari 10 malam 11 Zulhijjah, 11 malam 12 Zulhijjah dan 12 malam 13 Zulhijjah. Cara ini dipanggil Nafar Thani.

Semasa berada di Mina pada Hari-Hari Tasyriq, dibenarkan untuk melakukan solat fardhu secara qasar tanpa jamak dan tiada amalan yang khusus untuk dilakukan sepanjang keberadaan di Mina melainkan melontar ketiga-tiga Jamrah selama tiga hari dan melakukan segala bentuk zikir, doa, membaca Quran serta mengikuti kuliah/tazkirah agama yang menambahkan ketaqwaan dan keinsafan demi mengingati Allah SWT sepertimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW.

Mengikut kebiasaan yang diamalkan sekarang Jemaah Haji Malaysia digalakkan solat jamak takdim yang dilakukan secara tamam. Malah sesetengah Jemaah terus solat tamam di dalam waktunya kerana mereka lebih berkeyakinan.

#### 4.2.14 Nafar Awal

Maksud Nafar ialah meninggalkan Mina pada Hari Tasyriq

Seseorang Jemaah semestinya berada di Mina sekurang-kurang dua malam bagi yang ingin melakukan Nafar Awal dengan syarat mestilah keluar dari bumi Mina sebelum terbenamnya matahari pada 12 Zulhijjah selepas melontar ketiga-tiga Jamrah pada hari tersebut. Jika masih berada di bumi Mina selepas terbenamnya matahari maka ia mestilah terus berada di Mina bermabit satu malam lagi (malam 13 Zulhijjah) dan melontar Jamrah yang terakhir pada keesokan harinya, maka jadilah ia Nafar Thani. Syarat untuk Nafar Awal hendaklah berniat ketika melontar Jamratul Aqabah pada hari 12 Zulhijjah tetapi jangan melewati sempadan Mina Mekah. Untuk maklumat sempadan Mina Mekah dibawah jambatan Jamrah Aqabah. Sesiapa yang berniat Nafar Awal melepasi sempadan Mina Mekah maka Nafar Awalnya tidak sah.

Mereka yang melakukan Nafar Awal tidak dikenakan dam dan tidak berdosa kerana diberi kebenaran syarak melalui Ayat 203, Surah Al-Baqarah.

#### **4.2.15 Nafar Thani**

Jemaah yang bermabit tiga malam di Mina dan melontar ketiga-tiga Jamrah pada Hari Tasyriq itu dengan lengkapnya maka ia dinamakan Nafar Thani.

#### **4.2.16 Melontar Ketiga- tiga Jamrah pada Hari Tasyriq**

Melontar Jamrah pada ketiga-tiga Hari Tasyriq adalah wajib haji. Ketiga-tiga Jamrah tersebut ialah Sughra (Ula), Wustho dan Kubra (Aqabah). Waktu untuk melontar Jamrah pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah bermula selepas gelincir matahari dan berakhir sebelum terbit fajar hari berikutnya.

Amalan ketika ini, oleh kerana Pihak Berkuasa Kerajaan Arab Saudi menyediakan pengangkutan bermula dari pagi 13 Zulhijjah, maka Jemaah dibenarkan melontar selepas Subuh pagi 13 Zulhijjah (terpaksa).

##### **4.2.16.1 Syarat-syarat Sah Melontar**

- i. Melontar 7 biji anak batu satu persatu pada setiap Jamrah.
- ii. Melontar dengan tertib iaitu dimulai dengan Sughra (Ula), Wustho dan Kubra (Aqabah) kecuali lontaran 10 Zulhijjah di Jamrah Aqabah sahaja.
- iii. Tidak terpesong niat untuk melontar --- melontar semata-mata kerana ibadat.

- iv. Melontar dengan menggunakan anak batu.
- v. Anak batu yang dilontar diyakini masuk ke dalam Jamrah.
- vi. Dengan gaya melontar/merejam (bukan membuang batu).
- vii. Melontar dengan tangan (kecuali bagi yang tiada tangan).

Sekiranya Jemaah tidak berkesempatan atau mempunyai kesukaran melontar pada hari 11 Zulhijjah, ia boleh menggantikannya pada hari 12 Zulhijjah ataupun menghimpun semua lontaran pada hari 13 Zulhijjah dengan syarat mengulangi lontaran satu demi satu mengikut harinya. Lontaran ini hendaklah disempurnakan sebelum terbenam matahari 13 Zulhijjah.

Bagi Jemaah yang uzur syari'e (tidak berkemampuan), bolehlah mewakili kepada orang lain sama ada secara upah atau suka rela dengan syarat wakil itu di akad setelah masuk waktu melontar.


#### **4.2.17 Tawaf Wada'**

Tawaf Wada' adalah tawaf selamat tinggal kerana memuliakan dan menghormati Baitullah bagi mereka yang hendak meninggalkan Kota Mekah 2 Marhallah atau 91 kilometer. Hukumnya adalah wajib. Sekiranya tidak dilakukan atau terbatal Tawaf Wada', wajiblah membayar dam dengan menyembelih seekor kambing ataupun 1/7 daripada seekor unta/lembu.

### **4.3 KESIMPULAN**

Haji Tamattuk afdhal dilaksanakan berdasarkan kisah perjalanan Haji Rasulullah yang meminta para Sahabat mengubah haji kepada umrah iaitu melaksanakan umrah terlebih dulu dalam bulan-bulan haji kemudian bertahallul sementara menunggu hari Wukuf bagi melaksanakan haji. Walaubagaimanapun Haji Tamattuk dikenakan Dam kerana melahirkan kesyukuran kepada Allah SWT.

## BAB 5



### HAJI QIRAN

#### 5.1 PENGENALAN

Haji Qiran ialah ibadat haji yang dilakukan dengan berniat melakukan ibadat haji dan umrah secara serentak di Miqat asal. Ini bermaksud, apabila tiba di Miqat Jemaah berniat untuk melaksanakan ibadat umrah dan haji secara bersama.

Atau seseorang Jemaah yang berniat menunaikan umrah tetapi tidak dapat melaksanakannya disebabkan oleh keuzuran syari'e seperti wanita kedatangan haid, sakit kronik dan sebagainya hingga sampai ke hari wukuf, maka dia tidak dapat menunaikan umrahnya lalu berniat haji memasukkan ke dalam ihram umrah.

Haji Qiran diwajibkan Dam Tertib dan Takdir (seekor kambing, kibas atau 1/7 daripada seekor lembu, unta atau haiwan yang sebanding dengannya). Jika tidak berkemampuan maka diganti dengan berpuasa selama 10 hari iaitu 3 hari di Mekah (masa haji) dan 7 hari setelah pulang ke tempat asalnya. Sekiranya tidak berkeupayaan, maka diganti dengan membayar sepuluh cupak makanan kepada sepuluh fakir miskin di tanah suci, jika tidak berupaya juga maka tertanggunglah ke atas *zimmahnya*.

Jemaah yang melakukan Haji Qiran tidak perlu menunaikan umrah mengiringi hajinya. Jika ia mengerjakan umrah juga, hukumnya adalah sunat.

#### 5.2 KAEDAH PELAKSANAAN HAJI QIRAN

##### 5.2.1 Niat

Sebelum berniat, Jemaah disunatkan melakukan perkara-perkara seperti memotong kuku, mencukur bulu yang disyariatkan seumpama bulu ari-ari, bulu ketiak dan juga mengandam rambut. Selain itu disunatkan juga untuk mandi sunat ihram dan mengenakan wangi-wangian pada badan serta melakukan solat sunat ihram. Pakaian ihram bagi lelaki dan wanita disunatkan berwarna putih.

Tempat untuk berniat ihram Haji Qiran ialah di Miqat awal yang ditempuhinya. Sekiranya dari Madinah, berniatlah di Zulhulaifah (Bir Ali) dan sekiranya dari

Malaysia melalui Jeddah untuk ke Mekah maka Miqatnya di Qarnul Manazil (1 jam sebelum mendarat).

Lafaz niat ialah '*Allaahumma Labbaika Hajjan Wa Umratan Wa Ahramtu Bihima*' atau '*Nawaitul Hajja Wa Umrata Wa Ahramtu Bihima Lillahi Taa'la*'. (Hendaklah menghadirkan di dalam hati "Ya Allah aku berniat menunaikan haji dan umrah dan berihram dengan kedua-duanya kerana Allah Taa'la"). Selesai berniat maka wajib untuk mematuhi 13 larangan ihram yang telah ditetapkan oleh syarak.

Larangan dalam ihram adalah seperti berikut:

- i. Memakai pakaian berjahit dan bercantum (L).
- ii. Menutup kepala (L).
- iii. Menutup muka (W).
- iv. Menutup dua tapak tangan (W).
- v. Mengenakan wangian (L&P).
- vi. Menanggalkan bulu yang ada pada badan (L&P).
- vii. Memotong kuku atau membinasakannya (L&P).
- viii. Mencabut/ menebang/ merosakkan tumbuhan di tanah haram kecuali tumbuhan yang mati kering (L&P).
- ix. Memburu binatang buruan yang halal dimakan sama ada di tanah halal dan di tanah haram (L&P).
- x. Muqaddimah jimak (L&P).
- xi. Jimak (L&P).
- xii. Bernikah atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya (L&P).
- xiii. Memakai minyak di rambut, janggut, misai atau bulu-bulu di muka (L&P).

Semasa berada dalam keadaan berihram disunatkan untuk memperbanyakkan talbiah iaitu '*Labbaikallaahumma Labbaik....*' dan disunatkan juga untuk sentiasa berada dalam keadaan berwuduk.

### 5.2.2 Tawaf Qudum

Setelah tiba di Mekah, Jemaah Haji Qiran hendaklah melakukan Tawaf Qudum (jika tidak menghadapi uzur syari'e bagi wanita). Syarat-syarat sah tawaf adalah seperti berikut:

- i. Wajib berniat untuk Tawaf Qudum.
- ii. Suci daripada hadas kecil dan hadas besar.

- iii. Suci badan, pakaian dan tempat tawaf daripada najis kecuali Jemaah yang mengalami *daimul hadas* (sentiasa berhadas) seperti keputihan, kencing tidak lawas, istihadah, angin keluar dari bahagian hadapan (wanita) dan buasir.
- iv. Menutup aurat.
- v. Bermula dan berakhir tawaf di penjuru Hajar Aswad dikira sebagai satu pusingan.
- vi. Cukup 7 pusingan tawaf dengan yakin.
- vii. Tawaf dalam Masjidil Haram di luar Kaabah dan tidak terpesong dari niat tawaf.
- viii. Menjadikan Kaabah sentiasa berada di sebelah kiri.
- ix. Tidak menyentuh mana-mana bahagian kaabah termasuk Hijr Ismail.

Tawaf Qudum bagi Haji Qiran hukumnya sunat tetapi sangatlah dituntut kerana menghormati Baitullah.

#### 5.2.2.1 Sunat-sunat Tawaf

- i. Melambaikan tangan ke arah Hajar Aswad atau mengucupnya atau *Istilam*.
- ii. Berdoa pada setiap pusingan.
- iii. Berturut-turut.
- iv. *Beridhtiba'* bagi lelaki (membuka bahu kanan dan menutup bahu kiri).
- v. *Ramal* (lari-lari anak bagi lelaki) pada tiga pusingan yang pertama jika ada kelonggaran.
- vi. Melambai tangan ke arah rukun yamani.
- vii. Membaca doa Rabbana Atina...antara rukun yamani Hajar Aswad.
- viii. Solat sunat selepas tawaf di belakang Makam Ibrahim jika berpeluang serta berdoa atau jika tidak berpeluang bersolatlah di mana-mana kawasan dalam masjid.
- ix. Minum air zam-zam.

Setelah selesai melaksanakan Tawaf Qudum, Jemaah Haji Qiran dibolehkan untuk Sai'e haji (rukun). Jika ia tidak melakukan Sai'e selepas Tawaf Qudum boleh juga dilakukan selepas Tawaf Ifadhah yakni setelah selesai urusan haji di Arafah, Muzdalifah dan Mina.

### 5.2.3 Sai'e

Syarat-syarat Sah Sai'e adalah seperti berikut:

- i. Dilakukan selepas tawaf Qudum umrah yang sempurna.
- ii. Bermula dari bukit Safa dan berakhir di bukit Marwah.
- iii. Hendaklah sampai dipenghujung bukit Safa dan Marwah.
- iv. Cukup tujuh perjalanan dengan yakin. (Safa ke Marwah dikira sebagai satu perjalanan, Marwah ke Safa satu perjalanan).
- v. Tidak berniat lain yang boleh memesongkan niat Sai'e.
- vi. Sai'e di antara dua dinding (*Mas'aa* dan *Batnul Wadi*).

#### 5.2.3.1 Sunat-sunat Sai'e

- i. Menuju ke tempat Sai'e melalui Bab as-Safa dan memulakan perjalanan dengan membaca *Abda-u bima badaAllah Warasuuluhu...* dan membaca ayat Quran *Innas Safa wal Marwata.....*
- ii. Bersuci dari hadas (Berwuduk).
- iii. Berjalan kaki.
- iv. Berlari-lari anak di lampu hijau bagi lelaki.
- v. Berdoa pada setiap perjalanan.
- vi. Berturut-turut.
- vii. Memijak batu di bukit Safa dan bukit Marwah.
- viii. Melambai tangan dan takbir ke arah Kaabah serta berdoa di bukit Safa dan bukit Marwah.
- ix. Menutup aurat.
- x. Berdoa tamat Sai'e di bukit Marwah.

### 5.2.4 Tempoh Menunggu Hari Wukuf

Semasa berada di Mekah ketika menunggu hari wukuf, tiada amalan yang khusus dilakukan tetapi digalakkan untuk melazimi solat di Masjidil Haram, Tawaf Sunat, membaca al-Quran, beriktikaf dan sebagainya kerana pahala setiap ibadat tersebut dalam Masjidil Haram melebihi 100,000 kali ganda dari tempat-tempat lain. Apatah lagi ibadat dilakukan dalam tempoh mereka berihram.

Ingatan kepada wanita uzur ketika dalam ihram, mereka tidak perlu risau kerana tidak dapat beribadat sepanjang keuzuran kerana Allah SWT menjanjikan pahala



berganda akibat daripada ketaatan dan keredhaan mereka kepada Allah SWT dalam keadaan kesucian jiwa semasa berihram.

### **5.2.5 Hari Tarwiyah (8 Zulhijjah- Persediaan Menunaikan Haji)**

Pergerakan pertama pada hari Tarwiyah adalah menuju ke Mina untuk bermalam dan hukumnya adalah sunat. Semasa di Mina, dibolehkan untuk melakukan solat fardhu secara qasar tanpa jamak dan tiada amalan yang khusus untuk dilakukan pada Hari Tarwiyah melainkan digalakkan untuk memperbanyakkan doa serta berzikir mengingati Allah SWT.

Kebiasaannya, oleh kerana Kerajaan Arab Saudi (Pihak Berkuasa Pengangkutan Darat Arab Saudi) tidak dapat menyediakan kenderaan sepenuhnya untuk semua Jemaah ke Mina maka, diatitkan semua Jemaah terus ke Arafah. Namun, pihak muassasah haji memberi kelonggaran kepada kumpulan-kumpulan Jemaah yang memohon untuk berada di Mina pada hari Tarwiyah.

### **5.2.6 Wukuf**

Wukuf di Arafah adalah Rukun Haji yang terbesar seperti mana sabda Baginda SAW *'al-Hajju Arafah'* (Haji itu di Arafah). Wukuf ialah berada di bumi Arafah setelah berniat haji walaupun seketika dalam tempohnya di antara tergelincir matahari 9 Zulhijjah sehingga terbit fajar 10 Zulhijjah dalam keadaan sedar. Afdalnya waktu untuk berwukuf menghimpunkan sebahagian siang dan sebahagian malam.

Sah wukuf walaupun hanya berada di Arafah seketika sahaja. Jemaah yang tidak berwukuf dalam jangka masa yang ditetapkan maka tidak ada haji baginya.

Pada tanggal 9 Zulhijjah iaitu pada hari Wukuf, pergerakan dari Mina menuju ke Arafah bermula setelah terbitnya fajar sehinggalah tiba di Wadi Uranah atau mana-mana bahagian lain di sempadan Arafah. Menjelang gelincir matahari sebelum Zohor, Jemaah akan mendengar khutbah Arafah hingga masuk waktu Zohor maka bermulalah wukuf di Arafah diikuti dengan solat Zohor dan Asar secara qasar dan jamak taqdim.

Namun, secara praktikalnya pihak Muzakarah Ibadat Haji, Tabung Haji memutuskan bahawa Jemaah haji bermazhab Syafi'e digalakkan solat jamak taqdim tanpa qasar yakni 4 rakaat Zohor diikuti 4 rakaat Asar atas alasan Jemaah haji Malaysia bukan dalam keadaan bermusafir (Jamak Tamam).

Setelah selesai Khutbah Arafah dan solat, semasa berada di Arafah untuk berwukuf disunat memperbanyakkan doa kepada Allah SWT akan segala hajat yang diinginkan. Rasulullah SAW bersabda '*Khair ad-Du'a Dua yaum Arafah*' (Sebaik-baik doa adalah doa yang dipohon pada hari Arafah). Di samping zikir-zikir yang *warid* (yang datang dalam hadis) dan bersesuaian.

Semasa wukuf di Arafah, tiada amalan khusus yang ditetapkan oleh syarak melainkan berdoa serta berzikir mengingati Allah SWT. Adalah menjadi satu kerugian yang amat besar jika seseorang itu tidak menggunakan sepenuhnya untuk berdoa pada hari Arafah. Ulama'-ulama' silam mengatakan adalah satu kekecewaan kepada seseorang Jemaah yang berwukuf mengandaikan bahawa doa dan zikirnya tidak diterima oleh Allah SWT di Arafah.

Cabaran Arafah adalah agak berat kerana Jemaah akan tinggal dalam khemah, berhabuk, menghadapi panas atau sejuk yang kadang kala keterlaluan dan ini menyebabkan keadaan kesihatan tergugat yang memberi kesan kepada perjalanan ibadah. Oleh itu, Jemaah hendaklah bersedia menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku seperti menyediakan bekalan perubatan yang mencukupi, peralatan yang lengkap dan sebagainya bagi menempuh sebarang halangan.

### **5.2.7 Mabit di Muzdalifah**

Mabit atau bermalam di Muzdalifah adalah wajib haji. Waktunya daripada tengah malam sehingga subuh 10 Zulhijjah. Jemaah semestinya berada di Muzdalifah walaupun seketika atau sekadar melaluinya selepas pertengahan malam.

Pergerakan dari Arafah ke Muzdalifah bermula dari terbenamnya matahari pada 9 Zulhijjah. Setelah tiba di Muzdalifah, perkara utama yang harus dilakukan ialah menunaikan solat Maghrib dan Isya' secara qasar dan jamak taakhir.

Sekiranya ada di antara Jemaah yang dijadualkan berangkat dari Arafah sudah hampir setengah malam maka mereka dibolehkan solat maghrib dan isyak secara jamak takdim di Arafah.

Bagi Jemaah yang dibawa dengan bas yang terlewat tiba di Muzdalifah iaitu selepas subuh akibat kesesakan jalan raya, maka diputuskan bahawa Jemaah ini tidak berdosa dan tidak wajib membayar dam kerana *mukrah* (sangat terpaksa).

Di Muzdalifah, disunatkan agar mengutip 7 biji anak batu (diharuskan juga untuk mengutip 70 biji anak batu bagi tujuan melontar ketiga-tiga Jamrah) untuk digunakan bagi melontar Jamrah pada keesokkan harinya. Sepanjang bermalam di Muzdalifah, tiada amalan khusus yang disyariat melainkan kita digalakkan untuk mengingati Allah SWT seperti mana yang terkandung dalam al-Quran:

فَإِذَا أَفْضَيْتُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ فَأَذْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ

(Setelah selesai wukuf di Arafah maka ingatlah Allah di Masya'ril Haram – Muzdalifah, Surah Al-Baqarah, Ayat 198).

Para Jemaah dinasihatkan untuk menjaga kesihatan dan kebersihan diri semasa berada di Muzdalifah kerana tiada khemah dan Jemaah berada di padang yang terbuka, berhabuk dan terdedah kepada pelbagai masalah.

Pernah terjadi oleh kerana kesesakan jalan raya dari Muzdalifah ke Mina yang menyukarkan jemaah solat Subuh maka dicadangkan mereka membawa botol semburan (*spray*) untuk mengambil wuduk di dalam bas dan solat subuh secara darurat.

Setelah masuk pertengahan malam 10 Zulhijjah, lazimnya, Jemaah akan terus ke Mina untuk melontar Jamrah Aqabah pada waktu Dhuha. Terdapat juga Jemaah yang pergi ke Mekah bagi mengerjakan Tawaf Ifadhah dan Sai'e Haji (jika belum dilakukan selepas Tawaf Qudum) serta bergunting/bercukur pada pagi 10 Zulhijjah. Kemudian balik semula ke Mina untuk melontar Jamrah Aqabah. Mereka ini sudah berTahallul Thani dan terlepas dari semua larangan ihram.

### 5.2.8 10 Zulhijjah (Hari Nahar)

Bagi Jemaah yang bertolak ke Mina (lebih afdal), perjalanannya bermula selepas terbitnya fajar. Perjalanan tersebut menuju ke Jamrah Aqabah yang terletak di penghujung bumi Mina bersempadanan dengan Mekah. Waktu bagi melontar Jamrah Aqabah pada 10 Zulhijjah bermula dari selepas tengah malam dan berakhir ketika terbenam matahari 13 Zulhijjah.

Waktu yang paling afdhal untuk melontar Jamrah Aqabah pada waktu Dhuha 10 Zulhijjah dan jumlah bilangan batu yang dilontar adalah 7 biji.

*Haji Akbar* dalam tafsiran umum apabila Jemaah berkesempatan berwukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah dan melontar Jamrah pada 10 Zulhijjah menurut

sebahagian pandangan para ulama' kerana pada hari-hari tersebut terhimpun sebahagian besar amalan-amalan haji dalam tempohnya.

Namun, terdapat juga pendapat ulama' yang mentafsirkan bahawa jika berwukuf pada hari Jumaat adalah lebih menepati maksud *Haji Akbar* kerana berlaku pada diri Rasulullah SAW sendiri dan sahabat Baginda SAW. Pada tahun yang ke 10 Hijrah yang di namakan Hajjatul Wada' .

Setelah selesai melontar Jamrah Aqabah pada 10 Zulhijjah, Jemaah boleh bergunting/bercukur (lebih afdal bagi lelaki) untuk berTahallul Awal. Selepas berTahallul Awal maka terlepaslah baginya 10 larangan ihram yang disyariatkan kecuali bercumbu-cumbuan, bersetubuh dan bernikah.

### **5.2.9 Tawaf Ifadhah dan Sai'e Haji**

Tawaf Ifadhah adalah rukun yang ketiga bagi ibadat haji. Tawaf ini bermula dari pertengahan malam 10 Zulhijjah dan tiada pengakhiran baginya.

Sai'e Haji pula adalah rukun yang tidak tertib bagi Haji Qiran. Sekiranya Jemaah telah melakukan Sai'e haji selepas Tawaf Qudum maka tiada lagi Sai'e selepas Tawaf Ifadhah. Bagi Jemaah yang masih belum melakukan Sai'e haji selepas Tawaf Qudum maka wajib baginya melakukan Sai'e tersebut selepas Tawaf Ifadhah. Afdalnya untuk Tawaf Ifadhah dan Sai'e Haji adalah selepas waktu Dhuha 10 Zulhijjah.

Bagi Jemaah yang ingin menangguhkan Tawaf dan Sai'e pada 10 Zulhijjah, mereka masih tertakluk dengan larangan ihram iaitu bercumbu-cumbuan, bersetubuh dan bernikah.

Selesai menunaikan Tawaf Ifadhah dan Sai'e Haji maka terlepaslah bagi Jemaah segala larangan ihram yang dikenakan ke atas dirinya. Ini dinamakan Tahallul Thani atau Tahallul Kubra. Walaupun mereka belum lagi menyempurnakan mabit tiga malam di Mina dan melontar ketiga-tiga Jamrah pada Hari-Hari Tasyriq.

### **5.2.10 Muzdalifah – Mekah**

Jemaah yang membuat pilihan untuk pergi ke Mekah selepas bermabit di Muzdalifah bagi melakukan Tawaf Ifadhah dan Sai'e Haji (jika belum dilakukan selepas Tawaf Qudum) serta telah selesai melakukan kedua-dua rukun tersebut dan bercukur/bergunting maka telah terlaksanalah Tahallul Awalnya. Jika ia

hendak menyelesaikan Tahallul Thani, Jemaah hendaklah kembali ke Mina untuk menyelesaikan lontaran Jamrah Aqabah. Maka dengan itu, terlepaslah baginya segala larangan ihram. Bererti terhasillah Tahallul Thani.

### 5.2.11 Bermalam di Mina

Bermalam di Mina pada Hari-Hari Tasyriq adalah wajib haji. Pada setiap malam, Jemaah mesti berada di Mina pada sebahagian besar malamnya (sekurang-kurangnya 6 jam) dan tidak disyaratkan untuk berada di Mina pada waktu siang hari. Namun, adalah sunat berada siang hari pada Hari-Hari Tasyriq di Mina menepati Ayat 200, Surah Al-Baqarah.

فَإِذَا أَقَضَيْتُمْ مَنَسِكَكُمْ فَادْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ  
ءَابَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا فَمِنَ النَّكَاثِ مَن يَقُولُ  
رَبَّنَا ءَانِنَا فِي الدُّنْيَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِن خَلْقٍ

Dikira bermalam itu mulai hari 10 malam 11 Zulhijjah, 11 malam 12 Zulhijjah dan 12 malam 13 Zulhijjah. Cara ini dipanggil Nafar Thani.

Semasa berada di Mina pada Hari-Hari Tasyriq, dibenarkan untuk melakukan solat fardhu secara qasar tanpa jamak dan tiada amalan yang khusus untuk dilakukan sepanjang keberadaan di Mina melainkan melontar ketiga-tiga Jamrah selama tiga hari dan melakukan segala bentuk zikir, doa, membaca Quran serta mengikuti kuliah/tazkirah agama yang menambahkan ketaqwaan dan keinsafan demi mengingati Allah SWT sepertimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW.

Mengikut kebiasaan yang diamalkan sekarang Jemaah Haji Malaysia digalakkan solat jamak takdim yang dilakukan secara tamam. Malah sesetengah Jemaah terus solat tamam di dalam waktunya kerana mereka lebih berkeyakinan.

### 5.2.12 Nafar Awal

Maksud Nafar ialah meninggalkan Mina pada Hari Tasyriq.

Seseorang Jemaah semestinya berada di Mina sekurang-kurang dua malam bagi yang ingin melakukan Nafar Awal dengan syarat mestilah keluar dari bumi Mina sebelum terbenamnya matahari pada 12 Zulhijjah selepas melontar ketiga-tiga Jamrah pada hari tersebut. Jika masih berada di bumi Mina selepas terbenamnya

matahari maka ia mestilah terus berada di Mina bermabit satu malam lagi (malam 13 Zulhijjah) dan melontar Jamrah yang terakhir pada keesokan harinya, maka jadilah ia Nafar Thani. Syarat untuk Nafar Awal hendaklah berniat ketika melontar Jamratul Aqabah pada hari 12 Zulhijjah tetapi jangan melewati sempadan Mina Mekah. Untuk maklumat sempadan Mina Mekah di bawah jambatan Jamrah Aqabah. Sesiapa yang berniat Nafar Awal melepasi sempadan Mina Mekah maka Nafar Awalnya tidak sah.

Mereka yang melakukan Nafar Awal tidak dikenakan dam dan tidak berdosa kerana diberi kebenaran syarak melalui Ayat 203, Surah Al-Baqarah.

### **5.2.13 Nafar Thani**

Jemaah yang bermabit tiga malam di Mina dan melontar ketiga-tiga Jamrah pada Hari Tasyriq itu dengan lengkapnya maka ia dinamakan Nafar Thani.

### **5.2.14 Melontar Ketiga- tiga Jamrah pada Hari Tasyriq**

Melontar Jamrah pada ketiga-tiga Hari Tasyriq adalah wajib haji. Ketiga-tiga Jamrah tersebut ialah Sughra (Ula), Wustho dan Kubra (Aqabah). Waktu untuk melontar Jamrah pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah bermula selepas gelincir matahari dan berakhir sebelum terbit fajar hari berikutnya.

Amalan ketika ini, oleh kerana Pihak Berkuasa Kerajaan Arab Saudi menyediakan pengangkutan bermula dari pagi 13 Zulhijjah, maka Jemaah dibenarkan melontar selepas subuh pagi 13 Zulhijjah (terpaksa).

#### **5.2.14.1 Syarat-syarat Sah Melontar**

- i. Melontar 7 biji anak batu satu persatu pada setiap Jamrah.
- ii. Melontar dengan tertib iaitu dimulai dengan Sughra (Ula), Wustho dan Kubra (Aqabah) kecuali lontaran 10 Zulhijjah di Jamrah Aqabah sahaja.
- iii. Tidak terpesong niat untuk melontar (melontar semata-mata kerana ibadat).
- iv. Melontar dengan menggunakan anak batu.
- v. Anak batu yang dilontar diyakini masuk ke dalam Jamrah.
- vi. Dengan gaya melontar/merejam (bukan membuang batu).
- vii. Melontar dengan tangan (kecuali bagi yang tiada tangan).

Sekiranya Jemaah tidak berkesempatan atau mempunyai kesukaran melontar pada hari 11 Zulhijjah, ia boleh menggantikannya pada hari 12 Zulhijjah ataupun menghimpun semua lontaran pada hari 13 Zulhijjah dengan syarat mengulangi lontaran satu demi satu mengikut harinya. Lontaran ini hendaklah disempurnakan sebelum terbenam matahari 13 Zulhijjah.

Bagi Jemaah yang uzur syari'e (tidak berkemampuan), bolehlah mewakilkan kepada orang lain sama ada secara upah atau suka rela dengan syarat wakil itu di akad setelah masuk waktu melontar.


### **5.2.15 Tawaf Wada'**

Tawaf Wada' adalah tawaf selamat tinggal kerana memuliakan dan menghormati Baitullah bagi mereka yang hendak meninggalkan Kota Mekah 2 Marhallah atau 91 kilometer. Hukumnya adalah wajib. Sekiranya tidak dilakukan atau terbatal Tawaf Wada', wajibliah membayar dam dengan menyembelih seekor kambing ataupun 1/7 daripada seekor unta/lembu.

## **5.3 KESIMPULAN**

Haji Qiran ialah jenis haji yang menghimpunkan niat haji dan umrah serentak dalam satu niat ketika di Miqat serta diwajibkan dam iaitu Dam Tertib dan Takdir sama seperti jenis Haji Tamattu'. Dam jenis ini merupakan dam syukran iaitu dam sebagai ungkapan rasa syukur dan bukan dam terpaksa kerana melakukan pelanggaran ketika di dalam ihram. Lazimnya Jemaah yang memilih Haji Qiran ialah Jemaah yang kesuntukan masa atau menghadapi keuzuran ketika di Tanah Suci sedangkan dia dalam ihram umrah dan tidak sempat melakukannya.

## BAB 6



## PENUTUP

### **Sabda Rasulullah SAW, yang bermaksud:**

*“Ibnu Juraij berkata, Abu Zubair telah mengabarkan kepadaku, bahawa ia mendengar Jabir r.a. Berkata, “Aku pernah melihat Nabi SAW melempar Jumrah dari atas kenderaan beliau pada hari Nahr (penyembelihan haiwan korban/hadyu). Beliau bersabda “Lakukanlah haji kalian, sebab aku tidak tahu, barangkali aku tidak berhaji lagi sesudah hajiku ini.”*

(Hadis Riwayat Muslim)

Penerbitan Manual Pengurusan Haji Ifrad, Haji Tamattu', dan Haji Qiran ini diharap akan dapat memeriahkan lagi bahan-bahan bertulis dalam bidang manasik haji untuk rujukan pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), pengelola-pengelola umrah dan haji serta masyarakat umum tentang kaedah manasik mengikut syariat Islam. Justeru, individu, masyarakat umum dan agensi yang terlibat dapat mempelbagaikan bahan bacaan sebagai panduan untuk untuk diri sendiri ataupun pelanggan mereka. JAWHAR berharap prosedur tadbir urus terbaik JAWHAR mampu membantu masyarakat dan agensi untuk melaksanakan tanggungjawab mereka kepada Allah dan juga orang ramai yang membeli perkhidmatan mereka.

Secara amnya pada masa ini, bahan-bahan penerbitan berkaitan kaedah manasik diterbitkan oleh pelbagai pihak antaranya ialah Tabung Haji sendiri, syarikat-syarikat penerbitan seperti PTS, Telaga Biru, al-Hidayah House of Publishers, juga syarikat agensi pengelola umrah dan haji seperti Andalusia dan lain-lain. Justeru, penerbitan manual ini bukanlah untuk bersaing bahkan jauh sekali untuk mendapatkan keuntungan tetapi merupakan satu penunaian tanggungjawab untuk menyebarkan ilmu pengetahuan berkaitan kaedah manasik haji kepada masyarakat dengan percuma atau kos yang minima. Dengan itu, diharapkan agar manual ini dapat menjadi salah satu bahan bacaan yang boleh menjadi garis panduan kepada umat Islam di seluruh Malaysia.

Manual ini juga merupakan salah satu daripada Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang berperanan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada pihak MAIN, agensi pengelola perkhidmatan umrah dan masyarakat umum dalam usaha JAWHAR mencapai Teras Strategik dalam Pelan Strategik JAWHAR 2012-2016. Maklum balas positif dan sokongan padu Tabung Haji, agensi pengelola perkhidmatan umrah dan masyarakat umum adalah diharapkan agar usaha penambahbaikan dan pemantapan manual ini dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa.



## RUJUKAN



1. Rasul bin Dahari (2006), *Mencontohi Haji dan Umrah Rasulullah & Ziarah Yang Memenuhi Kehendak Sunnah* : Jahabersa.
2. Bahagian Bimbingan Jabatan Haji, Lembaga Tabung Haji (2014), *Nota Kursus Asas Haji (KAH)* : Lembaga Tabung Haji.
3. Hisham Ahmad (2013), *“Baitullah...Aku Datang” Mencari Sunnah Dalam Haji* : Karang kraf.
4. Suhaimie Yassin (1995) *Panduan Haji* : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
5. Dato’ Hj. Md. Daud Bin Che Ngah (2013), *Kursus Kesempurnaan Ibadat Haji & Umrah* : Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.
6. Muhammad Nashiruddin Al-Albani(1995), *Haji Nabi SAW sebagaimana yang Diriwayatkan oleh Jabir ra”* – (Terjemahan – Uthman Mahrus). Tajuk asal *“Hajjatun Nabi SAW kama Rawaahaa ‘anhu Jabir ra”* : Jahabersa Sdn. Bhd.